KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN

KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS

2020

KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS

2020

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 8, Persiaran Perdana
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Faks : 03-88821045
e-mel : upmp@anm.gov.my

Edisi 2020 diterbitkan pada 29 Oktober 2021

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.anm.gov.my

Trusted Secure Professional

DICETAK OLEH:
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email : cservice@printnasional.com.my
Tel. : 03-92366895
Faks : 03-92224773

SURAT PENYAMPAIAN

YANG BERHORMAT
SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

YB. Senator Tengku Datuk Seri Utama,

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit untuk dibentang di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Datuk Dr. Yacob bin Mustafa C.A(M), FCPA(Aust), CPFA(UK)
Akauntan Negara Malaysia

15 Oktober 2021

Dalam mengadaptasikan perubahan semasa, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) terus giat dalam usaha memperkasakan sistem *Integrated Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS) yang merupakan tunjang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan. iGFMAS merupakan pemacu usaha digitalisasi bagi membolehkan JANM menjadi sebuah organisasi yang mengoptimumkan penggunaan digital sejajar dengan aspirasi nasional dan global.

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tahun 2020 telah menyaksikan Malaysia menghadapi cabaran pandemik COVID-19 dan Alhamdullillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana kita berjaya mengharunginya. Walaupun dalam amalan norma baharu yang perlu dibudayakan sama ada dalam kehidupan seharian mahu pun di tempat kerja, kita masih mampu menggalas tanggungjawab sebagai penjawat awam dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
C.A (M), FCPA (Aust), CPFA (UK)
Akauntan Negara Malaysia

“Excellent Accounting @ Your Service”

PENGHARGAAN

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih saya ucapkan di atas sumbangan, dedikasi dan komitmen yang telah diberikan oleh semua warga perkhidmatan awam, khususnya pihak pengurusan dan semua pegawai perkhidmatan perakaunan di kementerian, jabatan, negeri dan cawangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu JANM menjayakan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2020.

PKKP 2020 telah sempurna ditandatangan oleh YBhg. Dato' Asri bin Hamidin @ Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 26 Februari 2021 dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara berserta Kertas Kerja Sokongan pada 5 Mac 2021. Sijil bersih Ketua Audit Negara yang telah dikeluarkan pada 20 September 2021 mengesahkan bahawa PKKP 2020 memberi gambaran yang benar dan saksama.

Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di atas kejayaan dalam penyediaan dan pengauditan PKKP 2020. Kejayaan ini merupakan hasil daripada iltizam, dedikasi dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Di samping itu, Nilai Bersama JANM yang sentiasa diamalkan iaitu mengutamakan pelanggan, profesionalisme, semangat kerja berpasukan, integriti dan akauntabiliti dan kesetiaan, turut menyumbang ke atas kejayaan ini. Momentum ini diharap dapat diteruskan secara konsisten dan berkekalan bagi memastikan kecemerlangan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Dalam mengadaptasikan perubahan semasa, JANM terus giat dalam usaha memperkasakan sistem *Integrated Government Financial Management Accounting System* (iGFMAS) yang merupakan tunjang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan. Ia sekali gus akan memastikan profesion perakaunan komited dalam melindungi kepentingan awam dan menggalakkan akauntabiliti serta ketelusan dalam kitaran penuh perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

Salah satu daripada usaha pemerkasaan sistem ini ialah pelaksanaan perakaunan pengurusan yang menumpukan kepada jalinan data kewangan dan bukan kewangan secara sistematik. Selaras dengan keperluan ini, pengekosan yang merupakan salah satu daripada elemen pelaporan *Strategic Management Accounting and Reporting* (SMARt) dapat dibuat menerusi modul MyCost dalam sistem iGFMAS. Pelaporan strategik ini turut menghubungkan perakaunan akruan dengan proses pembuatan keputusan yang dapat membantu pengurusan tertinggi untuk membuat keputusan dan merancang strategi yang lebih efisien dan efektif.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menekankan kepada semua warga perakaunan untuk terus berusaha dan komited dalam menyampaikan perkhidmatan perakaunan serta pelaporan yang tepat dan berintegriti. Melalui perakaunan akruan yang dilaksanakan, kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus serta penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti dapat direalisasikan.

Akhir kata, saya berharap semua warga perakaunan akan kekal optimis dan bangkit bersama dalam mengharungi cabaran pandemik ini untuk meneraju perakaunan akruan sektor awam bagi memastikan JANM menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, gah dan ulung serta menjadi rujukan tunggal dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2020

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2020 DISEDIAKAN OLEH AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 16(1) AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61] DAN DIAUDIT OLEH KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM DIBENTANG DI PARLIMEN MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 16(2) AKTA YANG SAMA.

Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan transaksi kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen bagi tahun kewangan 2020.

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum Aset dan Liabiliti.

KANDUNGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

AKRONIM DAN SINGKATAN xi

TINJAUAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Ringkasan Eksekutif 3

Laporan Akauntan Negara Malaysia 11

Laporan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kedudukan dan Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan 39

PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara 44

Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 49

Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia 50

Penyata Kedudukan Kewangan 51

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai 52

Penyata Prestasi Kewangan 54

Penyata Akaun Memorandum 55

Nota Kepada Penyata Kewangan 59

LAMPIRAN KEPADA NOTA

Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus 79

Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan 192

Lampiran 3 - Penyata Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 234

Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut 239

Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan 244

Lampiran 6 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Persekutuan 250

Lampiran 7 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Inisiatif Pembiayaan Swasta 257

Lampiran 8 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Jaminan 260

Penyata Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman 261

Lampiran 9 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pajakan Kewangan 265

Lampiran 10 - Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pampasan 269

Lampiran 11 - Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun 273

LAMPIRAN

Perangkaan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2011 - 2020 278

Carta Organisasi - Kementerian Kewangan Malaysia 284

Carta Organisasi - Jabatan Akauntan Negara Malaysia 286

Format PDF di www.anm.gov.my
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan, No. 1,
Persiaran Perdana, Presint 2, 62594 Putrajaya, MALAYSIA.
T: +603 8882 1000 F: +603 8889 5821

AKRONIM DAN SINGKATAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2020

AKRONIM DAN SINGKATAN

BPN	Bantuan Prihatin Nasional
CBU	*Complete-Built-Up*
CKHT	Cukai Keuntungan Harta Tanah
COVID-19	Penyakit Koronavirus 2019
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal
IPSASB	*International Public Sector Accounting Standards Board*
JPY	Yen Jepun
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KWAN	Kumpulan Wang Amanah Negara
KWAP	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
KWD	Kumpulan Wang Disatukan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
MTFF	*Medium-Term Fiscal Framework*
MTJA	*Malaysia - Thailand Joint Authority*
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PRE	Pakej Rangsangan Ekonomi
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PRIHATIN PKS+	Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
RM	Ringgit Malaysia
RPG	*Recommended Practice Guideline*
SICDA	Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998
SMARt	*Strategic Management Accounting and Reporting*
SOP	Prosedur Operasi Standard
USD	Dolar Amerika
WTD	Wang Tak Dituntut
1MDB	1Malaysia Development Berhad

KERAJAAN MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2020

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 kekal berdaya tahan walaupun beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar akibat pandemik COVID-19. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan demi membendung pandemik COVID-19. Kerajaan terus komited untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan serta memelihara disiplin fiskal bagi menghadapi kebiasaan baharu pasca COVID-19. Kerajaan kekal optimis bagi menambah baik pengurusan dan kemampanan hutang di samping mempergiatkan usaha untuk mempelbagaikan asas hasil negara.

Belanjawan 2020 telah memperuntukkan sebanyak RM299.02 bilion (termasuk simpanan luar jangka berjumlah RM2.00 bilion) bagi melaksanakan strategi, program dan projek pembangunan yang ditumpukan untuk kesejahteraan rakyat, transformasi negara dan pembangunan ekonomi. Dalam menghadapi situasi pandemik yang belum pernah terjadi ini, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM45.00 bilion suntikan fiskal melalui Kumpulan Wang COVID-19 bagi pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 berjumlah RM225.07 bilion berbanding unjuran berjumlah RM227.27 bilion manakala sejumlah RM275.96 bilion telah dibelanjakan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berbanding anggaran dipinda berjumlah RM279.41 bilion. Di samping itu, Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak RM38.02 bilion melibatkan Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19. Keadaan ini telah menyumbang kepada defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak RM87.65 bilion iaitu 6.1% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (2019 : 3.4%).

Pada tahun 2020, kedudukan Kumpulan Wang Disatukan (KWD) mencatatkan peningkatan sebanyak RM6.86 bilion (11.58%) kepada RM66.09 bilion berbanding RM59.23 bilion pada tahun 2019. Wang Awam yang dipegang bagi KWD pada tahun 2020 terdiri daripada Wang Tunai yang berjumlah RM26.03 bilion dan Pelaburan sebanyak RM40.06 bilion.

Aset Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum pula terdiri daripada Akaun Belum Terima yang berjumlah RM106.42 bilion dan Pelaburan berjumlah RM33.19 bilion. Manakala, Liabiliti Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM879.56 bilion (dengan kos kewangan yang dikenakan sebanyak RM34.49 bilion, iaitu 15.36% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus), Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM37.03 bilion, Komitmen Kewangan berjumlah RM269.94 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.30 bilion. Liabiliti Luar Jangka tahun 2020 yang dilaporkan merupakan Jaminan Berkanun berjumlah RM1,395.12 bilion. Jaminan Berkanun ini terdiri daripada Jaminan Pendeposit sebanyak RM1,100.45 bilion dan Jaminan Pinjaman sebanyak RM294.67 bilion.

Pada tahun 2020, baki Wang Tunai Kerajaan Persekutuan mencatatkan peningkatan sebanyak RM5.53 bilion (26.99%) kepada RM26.03 bilion berbanding RM20.50 bilion pada tahun sebelumnya. Terimaan tahun semasa adalah berjumlah RM418.85 bilion manakala bayaran pula adalah sebanyak RM413.32 bilion. Terimaan dalam tahun 2020 terdiri daripada kutipan hasil yang merupakan komponen utama berjumlah RM219.06 bilion (52.30%), pinjaman berjumlah RM194.56 bilion (46.45%) dan terimaan lain berjumlah RM5.23 bilion (1.25%). Bayaran dalam tahun 2020 terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus yang merupakan komponen utama berjumlah RM223.39 bilion (54.05%), RM51.36 bilion (12.43%) untuk Perbelanjaan Pembangunan, RM37.87 bilion (9.16%) untuk Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19, RM98.06 bilion (23.72%) untuk pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri dan RM2.64 bilion (0.64%) untuk bayaran lain.

SOROTAN BAGI TAHUN 2020



HASIL
-14.88%

2020
RM225.07B

2019
RM264.41B

BELANJA MENGURUS
-14.71%

2020
RM224.60B

2019
RM263.34B

BELANJA PEMBANGUNAN
-5.19%

2020
RM51.36B

2019
RM54.17B



WANG AWAM
11.58%

2020
RM66.09B

2019
RM59.23B

AKAUN AMANAH DISATUKAN
74.43%

2020
RM54.23B

2019
RM31.09B

KADAR DEFISIT KEPADA KDNK
79.41%

2020
6.1%

2019
3.4%

SOROTAN BAGI TAHUN 2020



DATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2016 HINGGA 2020

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan yang konsisten dengan pertambahan sebanyak 68% dalam KWD berbanding tahun 2016. Kedudukan KWD tahun 2020 berjumlah RM66.09 bilion merupakan yang tertinggi pernah direkodkan dalam tempoh kewangan lima (5) tahun terkini. Namun demikian, akibat pandemik COVID-19 yang berlarutan, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan terkesan dan mencatatkan kurangan keseluruhan yang lebih tinggi. Hasil dan Perbelanjaan mencatatkan trend kenaikan yang tekal dalam tempoh kewangan 2016 hingga 2019; walau bagaimanapun, masing-masing mencatatkan penurunan pada tahun 2020 sebanyak 15% dan 1% berbanding tahun lalu. Penurunan ketara dalam kutipan Hasil ini telah menyumbang kepada peningkatan defisit yang perlu dihadapi oleh Kerajaan bagi mengurangkan impak krisis COVID-19. Kerajaan kekal komited dan positif untuk mengurangkan defisit tahun 2020 iaitu 6.1% secara berperingkat tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi dan agenda pembangunan negara.

Rajah 1. Kumpulan Wang Disatukan (RM bilion)



Rajah 2. Wang Awam (RM bilion)



Rajah 3. Akaun Pinjaman Disatukan (RM bilion)



Rajah 4. Akaun Amanah Disatukan (RM bilion)



Rajah 5. Hasil (RM bilion)



Rajah 6. Perbelanjaan (RM bilion)



Rajah 7. Defisit (%)



DATA PENYATA AKAUN MEMORANDUM KERAJAAN PERSEKUTUAN 2016 HINGGA 2020

Aset kewangan Kerajaan Persekutuan mencatatkan amaun tertinggi pernah direkodkan dalam tempoh kewangan lima (5) tahun terkini iaitu pertambahan sebanyak 6% dan 7% bagi Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelaburan kepada RM58.90 bilion dan RM33.19 bilion. Trend yang sama dapat diperhatikan pada liabiliti Kerajaan kecuali Pelbagai Liabiliti. Hutang Persekutuan menunjukkan arah aliran peningkatan yang konsisten sebanyak 36% dalam tempoh kewangan lima (5) tahun terkini kepada RM879.56 bilion. Peningkatan ketara ini antaranya disebabkan untuk menampung peningkatan defisit. Komitmen Kewangan dan Jaminan Berkanun masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 26% dan 42% kepada RM269.94 bilion dan RM1,395.12 bilion dalam tahun kewangan yang dikaji. Manakala, Pelbagai Liabiliti pula mencatatkan penurunan yang ketara sebanyak 64% kepada RM278 juta berbanding tahun 2016 disebabkan pernyataan semula amaun bagi tahun kewangan 2019 dan 2020. Nisbah Hutang kepada KDNK pula dilihat mencatatkan trend penurunan pada tahun 2016 hingga 2017 dan seterusnya berlaku peningkatan sebanyak 20% antara tahun 2018 hingga 2020.

Rajah 8. Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut (RM bilion)



Rajah 9. Pelaburan (RM bilion)



Rajah 10. Hutang Persekutuan (RM bilion)



Rajah 11. Komitmen Kewangan (RM bilion)



Rajah 12. Jaminan Berkanun (RM bilion)



Rajah 13. Pelbagai Liabiliti (RM juta)



Rajah 14. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK (%)



KERAJAAN MALAYSIA

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2020

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PERSPEKTIF KESELURUHAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Tahun 2020 menyaksikan kebanyakan negara di seluruh dunia berjuang menghadapi pandemik COVID-19, Malaysia juga tidak terkecuali. Kerajaan menghadapi cabaran ini dengan matlamat utama untuk melindungi rakyat dan memastikan kestabilan ekonomi negara.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan khususnya kutipan hasil didapati terkesan ekoran daripada beberapa faktor utama antaranya melibatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelonggaran cukai dan juga harga minyak mentah yang rendah. Pandemik yang berlarutan ini telah mengakibatkan krisis COVID-19 yang memerlukan Kerajaan membuat suntikan fiskal bagi mengurangkan dampak krisis kepada golongan rentan serta menyokong pemulihan ekonomi.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat semakan semula peruntukan dan menyusun semula keutamaan perbelanjaan berdasarkan keperluan serta kepentingan semasa negara. Belanjawan 2020 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 28 November 2019 dengan peruntukan asal sebanyak RM299.02 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah disemak semula dengan pengurangan 6.56% kepada RM279.41 bilion.

SEMAKAN SEMULA PERUNTUKAN	PERATUSAN
BELANJA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN	▼ 6.56%
ANGGARAN HASIL	▼ 7.06%

Di samping itu, anggaran asal Hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM244.53 bilion juga telah diunjur berkurang 7.06% ekoran daripada pandemik tersebut menjadikan ia kepada RM227.27 bilion.

Malah, Kerajaan pantas menyokong dan menjana semula ekonomi dengan memperuntukkan sebanyak RM45 bilion suntikan fiskal melalui Kumpulan Wang COVID-19 iaitu kumpulan wang amanah khusus untuk melaksanakan semua langkah fiskal di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

SUNTIKAN FISKAL

RM45 BILION

Dalam situasi krisis sebegini, Kerajaan telah melaksanakan tindak balas fiskal yang luar biasa bagi menanganinya secara efektif.

HAD STATUTORI HUTANG

55% → 60% DARIPADA KDNK

Had statutori hutang ditingkatkan daripada 55% kepada 60% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara sementara sehingga akhir tahun 2022 bagi menambah ruang fiskal negara. Langkah ini membolehkan Kerajaan mendapatkan pembiayaan tambahan melalui Pinjaman Dalam Negeri untuk melaksana pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi. Peningkatan ini telah menjadikan kedudukan Pinjaman Dalam Negeri bagi tahun 2020 berjumlah RM851.28 bilion. Penjelasan lanjut berhubung impak COVID-19 dijelaskan dengan lebih terperinci di **Laporan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kedudukan Dan Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan.**

Komitmen tinggi oleh Kerajaan melalui polisi dan inisiatif yang tuntas telah menyumbang kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2020 yang kekal berdaya tahan walaupun negara berdepan dengan cabaran yang lebih besar akibat pandemik COVID-19. Kerajaan akan terus fokus untuk memelihara disiplin fiskal dan kebertanggungjawaban kewangan awam dalam mengharungi cabaran besar ini.

IMBASAN DAN ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah sempurna disedia dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 5 Mac 2021. Ketua Audit Negara mengikut peruntukan Akta Audit 1957 [Akta 62] telah mengaudit Penyata Kewangan 2020 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 20 September 2021. Laporan Akauntan Negara Malaysia disediakan berasaskan *Recommended Practice Guideline* (RPG) 2 - *Financial Statement Discussion and Analysis* yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board (IPSASB)* yang meliputi analisis terhadap penyata berikut:

i. Penyata Kedudukan Kewangan;

ii. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai; dan

iii. Penyata Akaun Memorandum.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan daripada lebihan dana dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum dengan maklumat terperinci dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

WANG AWAM

Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan. Pada tahun 2020, Wang Awam berjumlah RM66,094 juta telah meningkat sebanyak RM6,863 juta (11.59%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM59,231 juta.

Wang Tunai

Pengurusan wang tunai yang efisien adalah penting untuk memastikan semua perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dapat dibiayai dengan kedudukan wang tunai yang mampan. Lebihan wang tunai dilaburkan dalam simpanan tetap bagi tempoh kurang tiga (3) bulan bagi memastikan ia menghasilkan pulangan serta mempunyai tahap kecairan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian.

Secara keseluruhannya, baki Wang Tunai pada tahun 2020 meningkat sejumlah RM5,533 juta (26.99%) berbanding baki pada tahun 2019. Perbandingan kedudukan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 1**.

Pada tahun 2020, Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa berjumlah RM9,310 juta (39.81%) dan Akaun Simpanan Tetap bagi tempoh kurang tiga (3) bulan berjumlah RM14,076 juta (60.19%).

Maklumat lanjut mengenai Wang Tunai boleh dirujuk di **Nota 3 - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Pelaburan

Kedudukan Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah sebanyak 83.09% dan selebihnya ialah Pelaburan Am sebanyak 16.91%. Pecahan Pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut kategori bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 1.**

Nilai Pelaburan Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan merupakan Pelaburan yang dibuat daripada lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan. Secara keseluruhannya, pada tahun 2020 terdapat peningkatan jumlah pelaburan sebanyak RM1,330 juta (3.43%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM38,734 juta. Butiran terperinci jenis instrumen Pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut kategori dan perbandingan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 2**.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pada tahun 2020, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah telah meningkat sebanyak RM7,087 juta (27.05%) kepada RM33,290 juta berbanding RM26,203 juta pada tahun 2019. Berlaku peningkatan ketara sebanyak RM10,043 juta (100%) melibatkan Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan bagi menampung pembayaran komitmen Kerajaan. Peningkatan Pelaburan ini disumbangkan sepenuhnya oleh Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (*Assets Recovery*). Selain itu, Pelaburan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3-12 Bulan mencatatkan penurunan sebanyak RM3,433 juta (33.78%) bagi menampung keperluan aliran tunai Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah mengikut jenis instrumen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 2**.

Pelaburan Am

Pada tahun 2020, Pelaburan Am menurun sebanyak RM5,757 juta (45.94%) kepada RM6,774 juta berbanding RM12,531 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan Pelaburan dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3–12 Bulan bagi menampung keperluan aliran tunai untuk membiayai operasi harian. Pelaburan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri dan Pelbagai Pelaburan tidak mencatatkan perubahan pada tahun 2020. Kedudukan Pelaburan Am mengikut jenis instrumen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 3.**

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 4 - Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Jadual 1 : Perbandingan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Wang Tunai	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
	2020	2019		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Wang Tunai Dalam Bank	23,386	19,723	3,663	18.57
Wang Tunai Dalam Perjalanan	2,641	771	1,870	242.54
Wang Tunai Dalam Tangan	3	3	-	-
Jumlah Keseluruhan	**26,030**	**20,497**	**5,533**	**26.99**

Jadual 2 : Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Pelaburan	Nilai Buku		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020	2019		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	6,731	10,164	(3,433)	(33.78)
Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan	10,043	-	10,043	100.00
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	5,230	4,158	1,072	25.78
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,863	1,974	(111)	(5.62)
Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,473	3,295	(822)	(24.95)
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,465	3,829	636	16.61
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	-	122	(122)	(100.00)
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,045	2,221	(176)	(7.92)
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440	440	-	-
Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	**33,290**	**26,203**	**7,087**	**27.05**
Pelaburan Am				
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	55	5,812	(5,757)	(99.05)
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,718	6,718	-	-
Pelbagai	1	1	-	-
Jumlah Pelaburan Am	**6,774**	**12,531**	**(5,757)**	**(45.94)**
Jumlah Keseluruhan	**40,064**	**38,734**	**1,330**	**3.43**

Carta 1

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Mengikut Kategori



Carta 2

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Mengikut Jenis Instrumen
(RM juta)



Carta 3

Pelaburan Am Mengikut Jenis Instrumen
(RM juta)



AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 telah diunjur berkurang kepada RM244,530 juta berbanding jumlah kutipan pada tahun 2019 disebabkan jangkaan kutipan cukai yang lebih rendah. Berikutan dengan impak pandemik COVID-19 yang berterusan, Kerajaan telah menyemak semula unjuran tersebut dengan mengurangkan sebanyak RM17,260 juta (7.06%) daripada anggaran asal iaitu RM244,530 juta kepada RM227,270 juta. Pada tahun 2020, Prestasi Hasil sebenar Kerajaan Persekutuan adalah 99.03% berbanding anggaran disemak.

UNJURAN SEMULA ANGGARAN HASIL

▼ 7.06%

Hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2020 menurun sebanyak RM39,340 juta (14.88%) kepada RM225,075 juta berbanding kutipan tahun 2019 yang berjumlah RM264,415 juta disebabkan oleh pengurangan dalam kutipan Hasil Cukai. Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 mengikut penjenisan adalah seperti di **Jadual 3**.

Hasil utama Kerajaan Persekutuan ialah Hasil Cukai yang berjumlah RM154,398 juta (68.60%) diikuti dengan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM62,046 juta (27.57%), Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM7,954 juta (3.53%) dan Hasil Wilayah Persekutuan sebanyak RM677 juta (0.30%). Pecahan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 4**.

Hasil Cukai tahun 2020 terdiri daripada kutipan cukai langsung berjumlah RM112,511 juta dan cukai tidak langsung berjumlah RM41,887 juta dengan komposisi masing-masing sebanyak 72.87% dan 27.13% daripada keseluruhan Hasil Cukai. Cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama yang antaranya terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan petroleum. Perbandingan Hasil Cukai yang matan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 4**.

Kutipan cukai pendapatan syarikat mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM13,686 juta (21.47%) berbanding tahun lalu. Penurunan ini sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan beberapa langkah cukai di bawah pakej rangsangan ekonomi. Di samping itu, trend penurunan ketara turut melibatkan kutipan cukai pendapatan petroleum yang berkurang sebanyak RM8,011 juta (38.55%) berbanding tahun 2019 disebabkan oleh penurunan harga petroleum mentah dunia dan permintaan yang menguncup terhadap komoditi berkenaan. Sementara itu, kutipan cukai pendapatan individu mencatatkan peningkatan kecil sebanyak RM273 juta (0.71%) walaupun berlaku pemberhentian pekerja yang lebih tinggi serta pengurangan gaji dan tawaran cuti tanpa gaji oleh majikan. Penjelasan terperinci melibatkan hasil cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan petroleum boleh dirujuk di **Laporan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kedudukan Dan Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan.**

Komponen matan bagi cukai langsung yang lain juga menunjukkan trend penurunan, kutipan duti setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak RM707 juta (11.38%) dan RM113 juta (6.28%) berbanding tahun sebelumnya. Ini menunjukkan keuntungan yang lebih rendah dalam pasaran harta tanah pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 disebabkan oleh faktor kelembapan ekonomi. Selain itu, Kerajaan turut memberikan langkah cukai melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) iaitu pengecualian CKHT bagi pelupusan rumah kediaman yang turut menyumbang kepada penurunan kutipan hasil CKHT.

Hasil cukai tidak langsung tahun 2020 berjumlah RM41,887 juta, menurun sebanyak RM3,956 juta (8.63%) berbanding kutipan tahun 2019 yang berjumlah RM45,843 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh kutipan duti eksport yang menurun sebanyak RM380 juta (33.75%) kerana kejatuhan purata tahunan harga minyak mentah dunia di samping pengeluaran dan permintaan komoditi yang menurun ekoran pelaksanaan PKP di peringkat domestik serta global bagi membendung pandemik COVID-19. Ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada kutipan duti import yang menurun sebanyak RM387 juta (14.16%). Kutipan duti eksais turut terjejas dengan penurunan sebanyak RM656 juta (6.24%) berbanding kutipan tahun 2019 susulan permintaan kenderaan *complete-built-up (CBU)* dan rokok yang lebih perlahan. Cukai jualan atas barang-barang perkilangan dalam negeri bagi tahun 2020 mencatatkan pertambahan kecil sebanyak RM49 juta (0.76%) walaupun berlaku pengurangan kutipan hasil cukai jualan atas kenderaan bermotor

penumpang sebanyak RM854 juta susulan daripada pengecualian cukai jualan kenderaan penumpang bermula pada Jun 2020. Peningkatan dengan impak kecil ini telah disokong dengan peningkatan ketara sebanyak RM1,511 juta melibatkan cukai jualan petrol dan diesel kepada RM1,512 juta berbanding RM0.65 juta pada tahun 2019.

Hasil Bukan Cukai tahun 2020 mencatatkan penurunan yang ketara iaitu sebanyak RM17,779 juta (22.27%) kepada RM62,046 juta berbanding RM79,825 juta pada tahun 2019. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan sebanyak RM13,991 juta (23.30%) berbanding tahun 2019. Terimaan dividen daripada Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dalam tahun 2020 adalah RM34,000 juta, lebih rendah berbanding tahun lalu yang berjumlah RM54,000 juta. Walau bagaimanapun, tanpa mengambil kira elemen dividen khas dalam tahun 2019 sebanyak RM30,000 juta, terimaan dividen bagi tahun 2020 adalah RM10,000 juta lebih tinggi yang merupakan bayaran khas terutamanya daripada pelupusan pelaburan pada 2019.

Kutipan hasil daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit tahun 2020 juga mencatatkan kutipan yang lebih rendah iaitu RM3,568 juta (24.61%) berbanding pada tahun sebelumnya. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh pengurangan terimaan royalti petroleum sebanyak RM1,586 juta (27.40%) menjadikan jumlah yang dikutip pada tahun 2020 sebanyak RM4,202 juta berbanding RM5,788 juta pada tahun 2019.

Di samping itu, penurunan tersebut juga disumbang oleh pengurangan yang ketara bagi kutipan hasil levi ke atas pekerja asing sebanyak RM1,196 juta (39.95%) kepada RM1,798 juta berbanding RM2,994 juta pada tahun 2019. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh penguatkuasaan sekatan di sempadan negara sebagai salah satu usaha membendung penularan wabak. Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada trend penurunan tersebut ialah inisiatif Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (PRIHATIN PKS+) yang membenarkan pengurangan bayaran levi pekerja asing sebanyak 25% kepada semua syarikat yang permit pekerja mereka tamat pada 1 April hingga 31 Disember 2020.

Pendapatan daripada aktiviti carigali minyak dan gas *Malaysia - Thailand Joint Authority (MTJA)* turut menunjukkan sedikit penurunan sebanyak RM49 juta (2.90%) kepada RM1,642 juta berbanding RM1,691 juta pada tahun 2019. Perbandingan Hasil Bukan Cukai yang matan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 5**.

Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2020 meningkat sebanyak RM4,662 juta (141.62%) kepada RM7,954 juta berbanding RM3,292 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan oleh terimaan daripada agensi-agensi Kerajaan sebanyak RM4,091 juta (333.14%) terutamanya sumbangan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dalam tahun 2020 sebanyak RM5,000 juta bagi membiayai sebahagian bayaran persaraan kepada penjawat awam.

Hasil Wilayah Persekutuan pula menurun sebanyak RM55 juta (7.51%) kepada RM677 juta berbanding RM732 juta pada tahun 2019. Pengurangan ini disebabkan oleh hasil cukai Wilayah Persekutuan yang menurun sebanyak RM49 juta berbanding tahun sebelumnya terutama melibatkan kutipan premium dan cukai tanah yang lebih rendah berjumlah RM578 juta berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM625 juta.

Perbandingan Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan yang matan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 6**.

Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan mengikut penjenisan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 5**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 5(a) - Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Perbelanjaan Mengurus

Maksud Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan telah membuat pindaan ke atas anggaran Perbelanjaan Mengurus kepada RM226,720 juta iaitu penurunan sebanyak RM14,300 juta (5.93%) berbanding anggaran asal berjumlah RM241,020 juta. Anggaran dipinda yang lebih rendah ini berikutan penjimatan subsidi bahan api kerana penurunan harga minyak mentah dunia dan pengurangan pemberian kepada badan berkanun yang mempunyai rizab tinggi. Selain daripada itu, penjimatan juga diperoleh melalui perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan terutamanya melibatkan pembaikan dan penyelenggaraan serta perkhidmatan profesional dan klasifikasi semula beberapa item berkaitan pembangunan kepada peruntukan di bawah Perbelanjaan Pembangunan. Pada tahun 2020, prestasi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan adalah 99.27% atau berjumlah RM225,075 juta termasuk pindahan berjumlah RM475 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan berbanding anggaran dipinda.

SEMAKAN SEMULA ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

▼ 5.93%

Prestasi Perbelanjaan Mengurus adalah berjumlah RM224,600 juta tanpa mengambil kira pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sebahagian besar daripada jumlah yang dibelanjakan adalah untuk menampung perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap iaitu pemberian kepada Kerajaan Negeri, bayaran hutang negara, persaraan, ganjaran dan pemberian wang tunai sebagai gantian cuti rehat terkumpul. Perbelanjaan tertinggi berdasarkan maksud perbelanjaan antaranya melibatkan Kementerian Pendidikan berjumlah RM50.91 bilion (22.67%), Perbelanjaan Kerana Hutang Negara RM34.49 bilion (15.36%) dan Kementerian Kesihatan RM27.01 bilion (12.03%). Trend jumlah Perbelanjaan Mengurus pula mencatatkan penurunan sebanyak RM38,743 juta (14.71%) berbanding RM263,343 juta pada tahun 2019. Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 6**.

Pada tahun 2020, sebanyak RM67,241 juta (29.87%) daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus 2020 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan. Sebahagian besar perbelanjaan ini terdiri daripada Perbelanjaan Kerana Hutang Negara iaitu sebanyak RM34,495 juta yang merupakan 51.30% daripada jumlah Perbelanjaan Tanggungan.

Perbelanjaan Bekalan pula merangkumi 70.13% daripada Perbelanjaan Mengurus 2020 dengan jumlah RM157,834 juta. Kementerian Pendidikan masih kekal mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM50,912 juta (32.26%) dan diikuti Kementerian Kesihatan berjumlah RM27,010 juta (17.11%) daripada keseluruhan Perbelanjaan Bekalan. Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 mengikut penjenisan adalah seperti di **Jadual 7**.

Perbelanjaan **Emolumen** telah meningkat sebanyak RM2,462 juta (3.06%) kepada RM82,996 juta berbanding RM80,534 juta bagi tahun 2019. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh pergerakan gaji tahunan dan juga pemberian bantuan khas kewangan.

Perbelanjaan **Perkhidmatan dan Bekalan** pula menurun sebanyak RM2,184 juta (6.93%) kepada RM29,323 juta berbanding RM31,507 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan yang lebih rendah ini adalah ekoran penjimatan yang diperoleh terutamanya daripada perbelanjaan melibatkan pembaikan dan penyelenggaraan.

Perbelanjaan **Aset** berjumlah RM631 juta turut menunjukkan penurunan kecil sebanyak RM139 juta (18.05%) berbanding RM770 juta pada tahun 2019. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah untuk pembelian kelengkapan dan peralatan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Kementerian Pendidikan.

Perbelanjaan **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** merupakan komponen Perbelanjaan Mengurus yang terbesar dengan jumlah RM110,688 juta. Perbelanjaan ini menurun sebanyak RM38,089 juta (25.60%) berbanding RM148,777 juta pada tahun 2019. Penurunan ketara ini disebabkan oleh ketiadaan peruntukan bayaran balik cukai dalam tahun 2020 berbanding peruntukan sebanyak RM37,000 juta (secara *one off*) dalam tahun 2019 yang sebahagiannya dibiayai oleh dividen khas PETRONAS. Selain daripada itu, perbelanjaan pemberian lain adalah termasuk pemberian dalam negeri berjumlah RM46,487 juta, perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negara berjumlah RM35,155 juta, bayaran pencen dan ganjaran berjumlah RM27,033 juta, bayaran bagi biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran yang berjumlah RM1,570 juta dan tuntutan insurans dan pampasan berjumlah RM167 juta.

Perbelanjaan Lain juga mencatatkan penurunan sebanyak RM793 juta (45.19%) kepada RM962 juta berbanding RM1,755 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan bagi pulangan balik hasil dan hapus kira sebanyak RM238 juta (26.68%) iaitu RM654 juta bagi tahun 2020 berbanding RM892 juta pada tahun sebelumnya. Di samping itu juga, penurunan yang ketara bagi perbelanjaan cukai dan pelbagai sebanyak RM555 juta (64.39%) kepada RM307 juta berbanding RM862 juta pada tahun 2019 turut menjadi penyumbang kepada penurunan Perbelanjaan Lain ini.

Perbandingan Perbelanjaan Mengurus yang dilaksanakan mengikut sektor menunjukkan sektor sosial kekal mencatatkan perbelanjaan yang tertinggi iaitu RM94,740 juta (42.18%). Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 mengikut sektor adalah seperti di **Jadual 8**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 5(b) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 1: Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

Jadual 3 : Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Hasil	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020		2019			
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Hasil Cukai	154,398	68.60	180,566	68.29	(26,168)	(14.49)
Hasil Bukan Cukai	62,046	27.57	79,825	30.19	(17,779)	(22.27)
Terimaan Bukan Hasil	7,954	3.53	3,292	1.25	4,662	141.62
Hasil Wilayah Persekutuan	677	0.30	732	0.27	(55)	(7.51)
Jumlah Keseluruhan	**225,075**	**100**	**264,415**	**100**	**(39,340)**	**(14.88)**

Jadual 4 : Perbandingan Hasil Cukai Yang Matan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Hasil Cukai	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020	2019		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Cukai Langsung	**112,511**	**134,723**	**(22,212)**	**(16.49)**
Cukai Pendapatan	**104,884**	**126,507**	**(21,623)**	**(17.09)**
Cukai Pendapatan Syarikat	50,065	63,751	(13,686)	(21.47)
Cukai Pendapatan Individu	38,953	38,680	273	0.71
Cukai Pendapatan Petroleum	12,772	20,783	(8,011)	(38.55)
Pelbagai Cukai Pendapatan	3,094	3,293	(199)	(6.04)
Cukai Langsung Yang Lain	**7,627**	**8,216**	**(589)**	**(7.17)**
Duti Setem	5,506	6,213	(707)	(11.38)
Cukai Keuntungan Harta Tanah	1,687	1,800	(113)	(6.28)
Pelbagai Cukai Langsung Yang Lain	434	203	231	113.79
Cukai Tidak Langsung	**41,887**	**45,843**	**(3,956)**	**(8.63)**
Duti Eksport	746	1,126	(380)	(33.75)
Duti Import	2,346	2,733	(387)	(14.16)
Duti Eksais	9,855	10,511	(656)	(6.24)
Cukai Jualan Atas Barang-Barang Perkilangan Dalam Negeri	6,494	6,445	49	0.76
Cukai Perkhidmatan	12,006	12,283	(277)	(2.26)
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	10,440	12,745	(2,305)	(18.09)

Jadual 5 : Perbandingan Hasil Bukan Cukai Yang Matan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Hasil Bukan Cukai	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020	2019		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	10,931	14,499	(3,568)	(24.61)
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	46,067	60,058	(13,991)	(23.30)
Aktiviti Carigali Minyak dan Gas MTJA	1,642	1,691	(49)	(2.90)
Pelbagai Hasil Bukan Cukai	3,406	3,577	(171)	(4.78)

Jadual 6 : Perbandingan Terimaan Bukan Hasil Dan Hasil Wilayah Persekutuan Yang Matan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020	2019		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Terimaan Bukan Hasil	**7,954**	**3,292**	**4,662**	**141.62**
Terimaan daripada Agensi-Agensi Kerajaan	5,319	1,228	4,091	333.14
Pelbagai Terimaan Bukan Hasil	2,635	2,064	571	27.66
Hasil Wilayah Persekutuan	**677**	**732**	**(55)**	**(7.51)**
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	618	667	(49)	(7.35)
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	59	65	(6)	(9.23)

Jadual 7 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Perbelanjaan Mengurus	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020		2019			
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	82,996	36.95	80,534	30.58	2,462	3.06
Perkhidmatan dan Bekalan	29,323	13.06	31,507	11.96	(2,184)	(6.93)
Aset	631	0.28	770	0.29	(139)	(18.05)
Pemberian dan Kenaan Bayaran	110,688	49.28	148,777	56.50	(38,089)	(25.60)
Perbelanjaan Lain	962	0.43	1,755	0.67	(793)	(45.19)
Jumlah Keseluruhan	**224,600**	**100**	**263,343**	**100**	**(38,743)**	**(14.71)**

Jadual 8 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Perbelanjaan Mengurus	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020		2019			
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Ekonomi	16,737	7.45	15,605	5.93	1,132	7.25
Sosial	94,740	42.18	93,494	35.50	1,246	1.33
Keselamatan	24,790	11.04	23,429	8.90	1,361	5.81
Pentadbiran Am	13,675	6.09	16,901	6.42	(3,226)	(19.09)
Tanggungan Tertentu	61,598	27.43	58,580	22.24	3,018	5.15
Bayaran Pindahan	13,060	5.81	55,334	21.01	(42,274)	(76.40)
Jumlah Keseluruhan	**224,600**	**100**	**263,343**	**100**	**(38,743)**	**(14.71)**

Carta 4

Pecahan Hasil Kerajaan Persekutuan



Carta 5

Hasil Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan
(RM juta)



Carta 6

Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan terus memberi tumpuan kepada sumber domestik dalam membuat pinjaman bagi mengurangkan pendedahan risiko kadar pertukaran mata wang asing untuk menampung aktiviti pembangunan dan juga bagi melaksanakan pakej rangsangan serta pelan pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Kedudukan pinjaman yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 9.**

Perbandingan jumlah pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan mengikut kategori bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 7.**

Pinjaman Dalam Negeri

Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada terbitan sekuriti hutang seperti berikut:

i. Bil Perbendaharaan - diterbitkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188];

ii. Bil Perbendaharaan Islamik - diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275];

iii. Terbitan Pelaburan Kerajaan - diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275];

iv. Sekuriti Kerajaan Malaysia - diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]; dan

v. Sukuk - diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Pinjaman Dalam Negeri bersih tahun 2020 berjumlah RM96,827 juta, meningkat dengan ketara sebanyak RM48,295 juta (95.51%) berbanding RM48,532 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini sebahagiannya bertujuan untuk menampung pembiayaan suntikan fiskal bagi menangani krisis COVID-19. Kerajaan juga telah menerbitkan Sukuk Prihatin yang berjumlah RM666 juta dalam usaha membiayai inisiatif mitigasi krisis ini. Pada tahun 2020, sebanyak RM38,020 juta telah disalurkan ke Kumpulan Wang COVID-19 yang telah ditubuhkan bagi membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Kedudukan Pinjaman Dalam Negeri mengikut instrumen bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 10**.

Instrumen Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang telah diterbitkan turut digunakan bagi membiayai atau menebus instrumen masing-masing yang telah matang pada tahun 2020.

Kelancaran pelaksanaan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi berkaitan krisis COVID-19 bergantung kepada ruang fiskal yang mencukupi. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mewartakan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus) 2019 (COVID-19)) 2020 yang membolehkan had statutori hutang di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] ditingkatkan daripada 55% kepada 60% daripada KDNK secara sementara sehingga akhir tahun 2022. Peningkatan had statutori hutang ini bertujuan untuk memastikan ekonomi negara kekal berdaya tahan dalam tempoh pelaksanaan beberapa siri PKP yang bermula pada Mac 2020 serta memastikan keselamatan dan kelangsungan kehidupan rakyat terjamin. Pada penghujung tahun 2020, jumlah siling bagi pinjaman dan terbitan seperti yang dinyatakan adalah tidak melebihi 60% daripada KDNK.

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri

Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal peningkatan Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri bagi mengurangkan pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Instrumen Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri terdiri daripada:

i. Sukuk Luar Negeri - diterbitkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403];

ii. Pinjaman Multilateral - tertakluk kepada beberapa akta antaranya ialah Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [Akta 187] dan Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [Akta 410];

iii. Pinjaman Bilateral - tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]; dan

iv. Bon - diterbitkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403].

Pada tahun 2020, tiada Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri baharu dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan hanya pengeluaran pinjaman projek sedia ada diperoleh daripada sumber dua hala. Kedudukan Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut kategori bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 11**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 6 - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Jadual 9 : Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2020

Perihal	Terimaan Pinjaman	Komposisi	Bayaran Balik	Komposisi	Jumlah Bersih Pinjaman / (Bayaran Balik)
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta
Dalam Negeri	194,555	100	(97,728)	99.66	96,827
Luar Negeri	-	-	(331)	0.34	(331)
Jumlah Keseluruhan	**194,555**	**100**	**(98,059)**	**100**	**96,496**

Jadual 10 : Pinjaman Dalam Negeri Mengikut Instrumen Bagi Tahun 2020

Pinjaman Dalam Negeri	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik	Jumlah Bersih Pinjaman / (Bayaran Balik)
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Bil Perbendaharaan	31,601	(20,731)	10,870
Terbitan Pelaburan Kerajaan	81,797	(40,000)	41,797
Sekuriti Kerajaan Malaysia	80,491	(34,297)	46,194
Sukuk	666	(2,700)	(2,034)
Jumlah Keseluruhan	**194,555**	**(97,728)**	**96,827**

Jadual 11: Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri Mengikut Kategori Bagi Tahun 2020

Perihal	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik	Jumlah Bersih Pinjaman/ (Bayaran Balik)	Komposisi
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Pinjaman Pasaran	-	-	-	-
Bantuan Luar Negeri				
- Pinjaman Multilateral	-	(69)	(69)	20.85
- Pinjaman Bilateral	-	(262)	(262)	79.15
Jumlah Keseluruhan	**-**	**(331)**	**(331)**	**100**

Carta 7

Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan Mengikut Kategori
(RM juta)



AKAUN AMANAH DISATUKAN

Pada tahun 2020, Akaun Amanah Disatukan menunjukkan baki berjumlah RM54,231 juta berbanding baki RM31,090 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang meningkat sebanyak RM12,295 juta (117.90%) daripada RM10,428 juta pada tahun 2019 kepada RM22,723 juta pada tahun 2020. Manakala, Kumpulan Wang Amanah Awam mencatatkan peningkatan baki terkumpul sebanyak RM10,578 juta (111.42%), meningkat daripada RM9,494 juta pada tahun 2019 kepada RM20,072 juta pada tahun 2020. Sementara Akaun Deposit yang berbaki RM11,168 juta pada tahun 2019 pula mencatatkan peningkatan kecil sebanyak RM268 juta (2.40%) kepada RM11,436 juta pada tahun 2020.

Perbandingan Akaun Amanah Disatukan mengikut komponen bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Carta 8**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7 - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang

COVID-19 yang merupakan kumpulan wang amanah baharu dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

KUMPULAN WANG COVID-19

DIWARTAKAN : 26 OKTOBER 2020
TEMPOH KUAT KUASA : 3 TAHUN
BAKI PADA TAHUN 2020 : RM0.76 JUTA

Kumpulan Wang COVID-19 telah diwartakan penubuhannya pada 26 Oktober 2020 dengan tempoh kuat kuasa selama tiga (3) tahun berakhir 31 Disember 2022 sebagai salah satu inisiatif menghadapi krisis COVID-19. Kumpulan Wang Amanah ini bertujuan untuk memastikan pemantauan yang lebih teratur dan pelaporan yang telus untuk pelaksanaan program dan projek di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Baki Kumpulan Wang COVID-19 seperti pada 31 Disember 2020 adalah RM0.76 juta.

Peningkatan baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM12,295 juta (117.90%) berkait rapat dengan pertambahan baki Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM11,445 juta (46.34%) kepada baki debit RM13,255 juta berbanding baki debit RM24,700 juta pada tahun 2019 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM848 juta (2.41%) kepada RM35,977 juta pada tahun 2020 berbanding RM35,129 juta pada tahun 2019.

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] bagi tujuan pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 2020, defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan penurunan sebanyak RM11,445 juta (46.34%) kepada RM13,255 juta berbanding RM24,700 juta pada tahun 2019. Penurunan defisit ini disumbangkan oleh terimaan tahun 2020 bagi Kumpulan Wang Pembangunan yang lebih tinggi sebanyak RM5,546 juta (9.69%) dengan jumlah RM62,805 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM57,259 juta. Di samping itu, Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM51,360 juta yang lebih rendah berbanding tahun 2019 berjumlah RM54,173 juta turut menyumbang kepada penurunan defisit terkumpul tersebut.

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM61,071 juta, terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,180 juta, caruman dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM475 juta dan pelbagai terimaan sebanyak RM79 juta. Pecahan terimaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 9**.

Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2020, anggaran dipinda Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 dilaporkan berjumlah RM52,689 juta iaitu RM5,311 juta (9.16%) lebih rendah berbanding anggaran asal berjumlah RM58,000 juta (termasuk peruntukan simpanan luar jangka berjumlah RM2 bilion). Ini berikutan penangguhan dan kemajuan beberapa projek pembangunan yang perlahan sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimanapun, sebahagiannya telah diimbangi dengan klasifikasi semula item berkaitan pembangunan daripada Perbelanjaan Mengurus.

Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2020 berjumlah RM51,360 juta, menurun sebanyak RM2,813 juta (5.19%) berbanding RM54,173 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan ini terdiri daripada perbelanjaan cara langsung berjumlah RM49,331 juta dan perbelanjaan cara pinjaman berjumlah RM2,029 juta.

Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 10**.

Perbelanjaan Pembangunan cara langsung telah menurun sebanyak RM2,727 juta (5.24%) kepada RM49,331 juta bagi tahun 2020 berbanding RM52,058 juta pada tahun 2019. Manakala Perbelanjaan Pembangunan cara pinjaman kepada agensi sektor awam pula menurun sebanyak RM86 juta (4.07%) kepada RM2,029 juta pada tahun 2020 berbanding RM2,115 juta pada tahun 2019. Kementerian dengan amaun perbelanjaan yang tertinggi antaranya terdiri daripada Kementerian Kewangan (RM9,320 juta), Kementerian Kerja Raya (RM5,579 juta), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (RM5,158 juta), Jabatan Perdana Menteri (RM5,059 juta), Kementerian Kesihatan (RM3,834 juta), Kementerian Pengangkutan (RM3,283 juta), Kementerian Pertahanan (RM3,148 juta) dan Kementerian Pendidikan (RM2,695 juta). Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor bagi tahun 2020 dan 2019 boleh dirujuk di **Jadual 12**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7(a)(i) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan.**

Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 mengakaunkan terimaan dan bayaran seperti yang diperuntukkan dalam Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Terimaan bagi kumpulan wang ini ialah pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang COVID-19 ialah RM761,369 dengan terimaan berjumlah RM38,020 juta dan perbelanjaan berjumlah RM38,019 juta.

Terimaan Kumpulan Wang COVID-19

Terimaan Kumpulan Wang COVID-19 terdiri daripada pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan yang berjumlah RM38,020 juta. Pindahan ini telah dibuat selaras dengan Akta 830 yang membenarkan jumlah wang yang diterima di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pembiayaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dipindahkan ke Kumpulan Wang COVID-19.

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Siling keseluruhan Kumpulan Wang COVID-19 bagi tahun 2020 berjumlah RM45 bilion yang merangkumi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), langkah tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat PKS (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Pada tahun 2020, sebanyak RM39,007 juta telah disalurkan dan sebanyak RM38,019 juta telah dibelanjakan mengikut maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi. Penjelasan terperinci berkenaan Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 boleh dirujuk di **Laporan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kedudukan Dan Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan.**

BPN
RM16,157 JUTA

Sebahagian besar Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 ini melibatkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi meringankan beban rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dalam menghadapi pandemik COVID-19 iaitu RM16,157 juta (42.50%). Manakala, sebanyak RM12,960 juta (34.09%) telah dibelanjakan untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan. Bagi tujuan memacu aktiviti ekonomi pula, sebanyak RM 2,910 juta (7.65%) telah dibelanjakan untuk Projek Berskala Kecil dan RM2,551 juta (6.71%) untuk Geran Prihatin PKS. Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 adalah seperti di **Carta 11**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7(a)(ii) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 3 : Penyata Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19.**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terbahagi kepada lima (5) kategori utama iaitu:

i. Akaun Penyelesaian;

ii. Akaun Perniagaan;

iii. Akaun Pinjaman;

iv. Kumpulan Wang Luar Jangka; dan

v. Kumpulan Wang Amanah lain yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Pada tahun 2020, bilangan akaun Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang berada di bawah seliaan dan pengurusan Kerajaan Persekutuan adalah 133 akaun berbanding 148 akaun pada tahun 2019. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM848 juta (2.41%) iaitu kepada RM35,977 juta pada tahun 2020 berbanding RM35,129 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini telah disumbangkan sebahagian besarnya oleh Kumpulan Wang Luar Jangka yang meningkat sebanyak RM779 juta (108.04%) daripada RM721 juta pada tahun 2019 kepada RM1,500 juta pada tahun 2020.

Pecahan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori menunjukkan sebahagian besar sumbangan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Lain iaitu sebanyak RM20,219 juta (56.20%). Ini diikuti oleh Akaun Penyelesaian yang menyumbang sebanyak RM11,116 juta atau 30.90% daripada baki keseluruhan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Manakala, selebihnya terdiri daripada Akaun Pinjaman sebanyak RM2,985 juta (8.30%), Kumpulan Wang Luar Jangka sebanyak RM1,500 juta (4.17%) dan Akaun Perniagaan sebanyak RM157 juta (0.43%).

Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 12**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7(a)(iii) - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Pada tahun 2020, bilangan akaun Kumpulan Wang Amanah Awam yang berada di bawah seliaan dan pengurusan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 282 dengan baki terkumpul berjumlah RM20,072 juta. Baki terkumpul ini terdiri daripada Akaun Amanah Am sebanyak RM16,659 juta dan Akaun Amanah Khas sebanyak RM3,413 juta yang menunjukkan peningkatan keseluruhan sebanyak RM10,578 juta (111.42%) berbanding baki terkumpul RM9,494 juta pada tahun 2019 yang terdiri daripada Akaun Amanah Am sebanyak RM6,184 juta dan Akaun Amanah Khas sebanyak RM3,310 juta.

Peningkatan ketara dalam Akaun Amanah Am telah disumbangkan oleh Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (*Assets Recovery*) yang bertambah sebanyak RM10,781 juta (1,548.99%) kepada RM11,477 juta pada tahun 2020 berbanding RM696 juta pada tahun sebelumnya. Baki ini merupakan komponen signifikan dalam Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2020 dengan komposisi 57.18%. Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (*Assets Recovery*) ditubuhkan bertujuan untuk menerima dana berkaitan Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada pelbagai pihak sama ada dari dalam atau luar negara yang akan digunakan untuk membayar hutang 1MDB selain menampung kos operasi 1MDB dan perbelanjaan berkaitan operasi akaun amanah.

Komponen terbesar dalam kategori Akaun Amanah Khas ialah Akaun Amanah Estet Kebankrapan yang mencatatkan baki RM2,090 juta pada tahun 2020. Ia merangkumi 61.24% daripada baki Akaun Amanah Khas dan 10.41% daripada keseluruhan baki Kumpulan Akaun Amanah Awam. Akaun Amanah Estet Kebankrapan ditubuhkan di bawah Seksyen 76, Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] bertujuan antaranya untuk mengakaunkan semua terimaan dan bayaran berkaitan pentadbiran dan prosiding kebankrapan mengikut akta tersebut.

Baki Kumpulan Akaun Amanah Awam mengikut kategori bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 13**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7(b) - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Akaun Deposit

Jumlah deposit yang dipegang oleh Kerajaan pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM268 juta (2.40%) kepada RM11,436 juta berbanding RM11,168 juta pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, sebanyak RM11,303 juta (98.84%) merupakan Deposit Am manakala sebanyak RM133 juta (1.16%) adalah Deposit Pelarasan.

Jumlah baki deposit mengikut kategori bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 14**.

Sebanyak RM7,300 juta atau 64.58% daripada baki terkumpul Deposit Am telah disumbangkan oleh Akaun Deposit Wang Tak Dituntut. Jumlah serahan dan bayaran balik Wang Tak Dituntut (WTD) bagi tahun 2020 adalah masing-masing berjumlah RM933 juta dan RM262 juta yang telah meningkat sebanyak RM73 juta (8.49%) dan RM41 juta (18.55%), berbanding serahan dan bayaran balik pada tahun 2019 yang berjumlah RM860 juta dan RM221 juta. Perbandingan jumlah serahan dan bayaran balik WTD bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Carta 15**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 7(c) - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Jadual 12 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Perbelanjaan Pembangunan	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020		2019			
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%
Ekonomi	28,712	55.91	31,300	57.78	(2,588)	(8.27)
Sosial	13,827	26.92	14,483	26.74	(656)	(4.53)
Keselamatan	5,785	11.26	5,614	10.36	171	3.05
Pentadbiran Am	3,036	5.91	2,776	5.12	260	9.37
Jumlah Keseluruhan	**51,360**	**100**	**54,173**	**100**	**(2,813)**	**(5.19)**

Carta 8

Perbandingan Akaun Amanah Disatukan Mengikut Komponen
(RM juta)



Carta 9

Pecahan Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Komponen



Carta 10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
(RM juta)



Carta 11

Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19



Carta 12

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Mengikut Kategori



Carta 13

Kumpulan Wang Amanah Awam Mengikut Kategori



Carta 14

Deposit Mengikut Kategori



Carta 15

Perbandingan Serahan Dan Bayaran Balik WTD

(RM juta)



PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Kerajaan Persekutuan mencatatkan peningkatan wang tunai sebanyak RM5,533 juta (26.99%) pada tahun 2020 berbanding 2019 disebabkan jumlah terimaan RM418,851 juta melebihi jumlah bayaran sebanyak RM413,318 juta. Baki Wang Tunai pada tahun 2020 adalah sebanyak RM26,030 juta.

Penerimaan Wang Tunai

Terimaan wang tunai berjumlah RM418,851 juta adalah terdiri daripada terimaan Hasil, Pinjaman dan Terimaan Lain (Terimaan Modal dan Terimaan Amanah).

Jumlah terimaan wang tunai bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 16**.

Pembayaran Wang Tunai

Pada tahun 2020, jumlah bayaran sebanyak RM413,318 juta adalah terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan, Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19, bayaran balik Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri serta Bayaran Lain (Perbelanjaan Modal dan Perbelanjaan Amanah). Jumlah pembayaran wang tunai bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 17**.

Perbandingan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13 : Perbandingan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Perihal	2020	2019	Peningkatan/(Penurunan)	
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Terimaan				
Hasil	219,059	263,819	(44,760)	(16.97)
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	194,555	138,559	55,996	40.41
Terimaan Lain	5,237	6,027	(790)	(13.11)
Jumlah Terimaan	**418,851**	**408,405**	**10,446**	**2.56**
Bayaran				
Perbelanjaan Mengurus*	223,388	224,775	(1,387)	(0.62)
Perbelanjaan Pembangunan	51,360	54,173	(2,813)	(5.19)
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	37,869	-	37,869	100.00
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	98,059	83,050	15,009	18.07
Bayaran Lain	2,642	49,558	(46,916)	(94.67)
Jumlah Bayaran	**413,318**	**411,556**	**1,762**	**0.43**
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	**5,533**	**(3,151)**	**8,684**	(275.60)
Wang Tunai pada 1 Januari	**20,497**	**23,648**	**(3,151)**	(13.32)
Wang Tunai pada 31 Disember	**26,030**	**20,497**	**5,533**	**26.99**

Nota: * *tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan*

Carta 16

Terimaan Wang Tunai



Carta 17

Pembayaran Wang Tunai



PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Pelaporan dan analisis terhadap Penyata Akaun Memorandum meliputi Aset dan Liabiliti.

ASET

Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Akaun Belum Terima dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Akaun Belum Terima

Pada tahun 2020, baki Akaun Belum Terima adalah RM106,423 juta, meningkat sebanyak RM12,308 Juta (13.08%) berbanding RM94,115 juta yang dilaporkan pada tahun sebelumnya. Jumlah Akaun Belum Terima terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut sebanyak RM58,901 juta dan Pelbagai Akaun Belum Terima berjumlah RM47,522 juta.

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut terdiri daripada Pinjaman Persekutuan, Pendahuluan Kerajaan Negeri dan Perseorangan. Pinjaman Persekutuan ialah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat dan Pelbagai Agensi. Pendahuluan Kerajaan Negeri ialah pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi menampung keperluan aliran tunai di negeri yang memerlukan. Manakala, Perseorangan pula ialah kemudahan pinjaman dan pendahuluan kepada penjawat awam yang terdiri daripada pinjaman komputer, pinjaman kenderaan, pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai. Baki Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah sebanyak RM58,901 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM1,240 juta (2.15%) berbanding RM57,661 juta pada tahun sebelumnya.

Baki Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2020 adalah seperti di **Carta 18**.

Pengeluaran Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut yang diluluskan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM2,678 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM1,557 juta (36.77%) berbanding pengeluaran berjumlah RM4,235 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, pengeluaran yang terbesar adalah kepada syarikat iaitu sebanyak RM1,642 juta (61.31%).

Bayaran balik Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut tahun 2020 menurun sebanyak RM702 juta (25.75%) kepada RM2,024 juta berbanding RM2,726 juta pada tahun 2019. Bayaran balik yang terbesar bagi tahun 2020 adalah daripada Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM973 juta (48.07%). Trend penurunan bayaran balik Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut disebabkan antaranya oleh penangguhan bayaran balik anuiti pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membantu aliran tunai agensi peminjam berikutan penguatkuasaan PKP bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Perbandingan jumlah pengeluaran dan bayaran balik Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Carta 19**.

Tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah berjumlah RM12,855 juta, meningkat sebanyak RM579 juta (4.72%) berbanding RM12,276 juta pada tahun 2019. Jumlah tunggakan tertinggi adalah daripada syarikat iaitu RM7,536 juta (58.62%).

Perbandingan jumlah tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Carta 20**.

Kerajaan Persekutuan terdedah kepada risiko kredit iaitu keupayaan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman. Sebagai langkah penilaian dan strategi untuk mengawal risiko, Kerajaan Persekutuan sentiasa membuat pemantauan secara berterusan, memperkukuh terma serta syarat perjanjian dan mengambil tindakan pemulihan melalui penjadualan dan penstrukturan semula pinjaman termasuk tindakan undang-undang bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 9(a) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 4 : Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut**.

Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai Akaun Belum Terima pada tahun 2020 berjumlah RM47,522 juta direkodkan di kementerian atau jabatan. Jumlah ini termasuk pinjaman dan pendahuluan di kementerian atau jabatan selain daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM733 juta. Tunggakan pelbagai Akaun Belum Terima adalah sebanyak RM20,859 juta termasuk tunggakan faedah Pinjaman Boleh Dituntut sebanyak RM2,623 juta. Kementerian yang mencatatkan jumlah Akaun Belum Terima yang tertinggi antaranya ialah Kementerian Kewangan (RM44,663 juta - 93.98%), Jabatan Perdana Menteri (RM1,155 juta – 2.43%), Kementerian Pengajian Tinggi (RM496.3 juta - 1.04%), Kementerian Kesihatan (RM429.3 juta - 0.90%) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (RM216.3 juta - 0.46%).

Bagi mempertingkatkan pengurusan kutipan Akaun Belum Terima supaya lebih cekap dan berkesan, pemantauan berkala dan berterusan telah dilaksanakan di peringkat kementerian atau jabatan. Langkah-langkah yang diambil adalah dengan mengadakan kursus dan latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan perakaunan Akaun Belum Terima kepada kementerian atau jabatan agar sentiasa mengambil tindakan segera dan proaktif bagi mengelakkan tunggakan Akaun Belum Terima serta memantau Akaun Belum Terima yang berusia melebihi satu (1) tahun.

PELABURAN

Memorandum Pelaburan

Pelaburan dalam Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Antarabangsa adalah merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan. Perolehan pegangan dalam pelaburan ini dipertanggungkan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan tetapi tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Walau bagaimanapun, pegangan ekuiti Kerajaan Persekutuan di dalam agensi tersebut dinyatakan dalam Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.

Pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 115 entiti dengan nilai pelaburan berjumlah RM33,191 juta.

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 mengikut entiti adalah seperti di **Carta 21**.

Pada tahun 2020, terdapat peningkatan pelaburan sebanyak RM1,153 juta (3.60%) kepada RM33,191 juta berbanding RM32,038 juta pada tahun 2019. Peningkatan tersebut disebabkan oleh pertambahan pelaburan di dalam ekuiti syarikat sepanjang tahun 2020 manakala nilai pelaburan dalam Agensi Antarabangsa dan Badan Berkanun pada tahun 2020 tidak mengalami sebarang perubahan. Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 14**.

Sepanjang tahun 2020, terdapat pertambahan ekuiti yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1,153 juta yang melibatkan tiga (3) syarikat iaitu Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. bernilai RM853 juta, Export Import Bank of Malaysia Berhad bernilai RM250 juta dan MyHSR Corporation Sdn. Bhd. bernilai RM50 juta. Jumlah dividen pelaburan yang diterima bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM38,875 juta dan PETRONAS masih kekal sebagai penyumbang utama dengan nilai dividen sebanyak RM34,000 juta.

Perbandingan jumlah pelaburan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 22.**

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 9(b) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 5 : Penyata Akaun Memorandum Pelaburan**.

Jadual 14 : Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2020 Dan 2019

Entiti	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2020		2019			
	RM Juta	Bil.	RM Juta	Bil.	RM Juta	%
Agensi Antarabangsa	38	1	38	1	-	-
Badan Berkanun	978	5	978	5	-	-
Syarikat	32,175	109	31,022	108	1,153	3.72%
Jumlah Keseluruhan	**33,191**	**115**	**32,038**	**114**	**1,153**	**3.60%**

Carta 18

Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam
(RM juta)



Carta 19

Pengeluaran Dan Bayaran Balik Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam
(RM juta)



Carta 20

Tunggakan Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam
(RM juta)



Carta 21

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Mengikut Entiti
(RM juta)



Carta 22

Pelaburan Kerajaan Persekutuan
(RM juta)



LIABILITI

Dalam usaha memberikan maklumat yang lebih komprehensif, pelaporan liabiliti mengandungi beberapa pendedahan tambahan melibatkan pelbagai tanggungan Kerajaan Persekutuan. Pertanggungan ini merangkumi Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

Hutang Persekutuan

Kedudukan Hutang Persekutuan pada tahun 2020 berjumlah RM879,560 juta dengan peningkatan sebanyak RM86,562 juta (10.92%) berbanding RM792,998 juta pada tahun 2019. Instrumen Hutang Persekutuan terdiri daripada sekuriti hutang dan pinjaman berjangka daripada sumber tempatan dan luar negeri. Semua Hutang Persekutuan diperakaunkan dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Pinjaman Dalam Negeri merupakan komponen terbesar dalam Hutang Persekutuan dengan jumlah RM851,284 juta (96.79%) berbanding RM28,276 juta (3.21%) daripada Pinjaman Luar Negeri. Peratus nisbah keseluruhan Hutang Persekutuan berbanding KDNK mencatatkan peningkatan ketara pada kadar 62.2% berbanding 52.5% pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, nisbah hutang statutori berbanding KDNK masih berada di bawah paras 60% iaitu 57.9%. Penjelasan terperinci melibatkan Hutang Persekutuan boleh dirujuk di **Laporan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Kedudukan Dan Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan.**

NISBAH HUTANG STATUTORI
<60%

Kos kewangan atas Hutang Persekutuan juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,562 juta (4.74%) kepada RM34,495 juta berbanding RM32,933 juta pada 2019. Jumlah ini merangkumi pembayaran faedah dan dividen bagi sekuriti hutang kerajaan, diskaun atas Bil Perbendaharaan, faedah pinjaman berjangka dan lain-lain kos pengurusan bagi mendapatkan pinjaman.

Perbandingan kedudukan Hutang Persekutuan, nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK serta jumlah kos kewangan atas Hutang Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 23**.

Pinjaman Dalam Negeri merangkumi terbitan sekuriti hutang iaitu Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sukuk Perumahan Kerajaan dan Sukuk Prihatin. Pada tahun 2020, Sekuriti Kerajaan Malaysia kekal menjadi komponen terbesar Pinjaman Dalam Negeri iaitu sebanyak RM436,418 juta (51.27%) meningkat sebanyak RM42,285 juta berbanding RM394,133 juta pada tahun 2019. Ini diikuti oleh Terbitan Pelaburan Kerajaan dengan jumlah RM374,600 juta (44.00%) yang meningkat sebanyak RM35,800 juta berbanding RM338,800 juta pada tahun 2019. Sukuk Perumahan Kerajaan menurun sebanyak RM2,700 juta kepada RM24,100 juta (2.83%) berbanding RM26,800 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, Kerajaan telah menerbitkan Sukuk Prihatin sebagai salah satu inisiatif mitigasi pandemik COVID-19. Sukuk Prihatin ini berjumlah RM666 juta (0.08%) dan merupakan sebahagian daripada keseluruhan sukuk yang berjumlah RM24,766 juta. Baki 1.82% yang berjumlah RM15,500 juta merupakan Bil Perbendaharaan, meningkat sebanyak RM11,000 juta berbanding RM4,500 juta pada tahun sebelumnya.

Perbandingan kedudukan Pinjaman Dalam Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 24**.

Pegangan bukan pemastautin bagi Pinjaman Dalam Negeri memberi gambaran tentang tahap risiko pasaran luar negeri terhadap sekuriti dalam negeri. Nilai pegangan ini meningkat daripada RM186,493 juta (24.40%) pada tahun 2019 kepada RM208,190 juta (24.48%) pada tahun 2020. Perbandingan pegangan pemastautin berbanding bukan pemastautin bagi sekuriti hutang dalam negeri bagi tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 15**.

Nilai Ringgit Malaysia setara bagi pinjaman dalam mata wang asing daripada sumber luar negeri pada 31 Disember 2020 berjumlah RM28,276 juta (3.21%), menurun sebanyak RM489 juta berbanding RM28,765 juta (3.63%) pada tahun 2019. Pinjaman pasaran luar negeri yang merupakan terbitan Sukuk Global tidak berubah pada USD3,800 juta dengan nilai Ringgit Malaysia setara menurun daripada RM15,734 juta kepada RM15,265 juta kesan daripada pengukuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika (USD). Di samping itu, terbitan Bon Samurai juga tidak berubah pada JPY200,000 juta dengan nilai Ringgit Malaysia setara meningkat daripada RM7,612 juta kepada RM7,790 juta kesan daripada penurunan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Yen Jepun (JPY).

Bantuan Luar Negeri yang merupakan pinjaman berjangka bersindiket daripada institusi kewangan antarabangsa (Multilateral) dan kerajaan asing (Bilateral) menurun pada nilai Ringgit Malaysia setara berjumlah RM5,221 juta pada tahun 2020 berbanding RM5,418 juta pada tahun 2019. Komponen Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral berjumlah RM5,068 juta (97.07%) dan pinjaman Multilateral berjumlah RM153 juta (2.93%).

Perbandingan kedudukan nilai setara pinjaman pasaran luar negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 25.**

Perbandingan kedudukan Bantuan Luar Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 26**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(a) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 6 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Persekutuan**.

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta ialah obligasi bayaran balik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman bagi pendanaan projek-projek awam melalui Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta. Pelaporan kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta telah dipinda berdasarkan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman susulan terdapat beberapa butiran pinjaman daripada kedua-dua akaun amanah tersebut telah digabung dan distruktur semula pada tahun 2019. Sehubungan itu, nilai perbandingan bagi tahun 2017 hingga 2019 telah dinyatakan semula daripada klasifikasi berasaskan akaun amanah kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman. Kedudukan liabiliti ini pada tahun 2020 adalah RM37,034 juta, menunjukkan penurunan berjumlah RM1,796 juta (4.63%) berbanding RM38,830 juta pada tahun 2019. Perbandingan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 27**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(b) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 7 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Inisiatif Pembiayaan Swasta**.

Komitmen Kewangan

Pendedahan Komitmen Kewangan meliputi pembayaran yang telah menjadi obligasi Kerajaan Persekutuan.

Komitmen Kewangan terdiri daripada Komitmen Jaminan, Komitmen Pajakan Kewangan, Komitmen Bayaran Balik Cukai dan Komitmen Pampasan. Kedudukan Komitmen Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM269,940 juta, meningkat sebanyak RM22,479 juta (9.08%) berbanding RM247,461 juta pada tahun 2019. Perbandingan Komitmen Kewangan bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 28**.

Komitmen Jaminan merupakan pinjaman Syarikat Berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan telah menjadi obligasi Kerajaan Persekutuan. Komitmen ini terdiri daripada Komitmen Jaminan Dalam Negeri dan Luar Negeri yang telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM22,849 juta (11.78%) pada tahun 2020 dengan nilai RM216,842 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM193,993 juta. Perbandingan Komitmen Jaminan bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 29**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(c) (i) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 8 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Jaminan**.

Komitmen Pajakan Kewangan terdiri daripada Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pajakan Kewangan Badan Berkanun yang merupakan obligasi bayaran pajakan Kerajaan Persekutuan di bawah perjanjian pajakan kewangan. Pada tahun 2020, jumlah Komitmen Pajakan Kewangan adalah RM37,571 juta, meningkat sebanyak RM4,485 juta (13.56%) berbanding RM33,086 juta pada tahun 2019. Jumlah tersebut terdiri daripada Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM26,848 juta (71.46%) dan Pajakan Kewangan Badan Berkanun berjumlah RM10,723 juta (28.54%). Perbandingan Komitmen Pajakan Kewangan bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 30**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(c)(ii) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 9 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pajakan Kewangan**.

Komitmen Bayaran Balik Cukai merupakan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat pembayaran balik cukai melibatkan Cukai Pendapatan, CKHT dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan. Secara keseluruhannya, jumlah Komitmen Bayaran Balik Cukai pada tahun 2020 berjumlah RM14,635 juta, menurun sebanyak RM4,757 juta (24.53%) berbanding RM19,392 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, Komitmen Bayaran Balik Cukai Pendapatan berjumlah RM12,186 juta (83.27%), Komitmen CKHT berjumlah RM575 juta (3.93%) manakala Komitmen Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan pula berjumlah RM1,874 juta (12.80%). Perbandingan Komitmen Bayaran Balik Cukai bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 31**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(c)(iii) - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Komitmen Pampasan merupakan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran pampasan berdasarkan terma kontrak Kerajaan Persekutuan dengan syarikat pemegang konsesi. Pada tahun 2020, Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya berjumlah RM892 juta, menurun sebanyak RM98 juta (9.90%) berbanding RM990 juta pada tahun 2019. Perbandingan Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya bagi tempoh empat (4) tahun adalah seperti di **Carta 32**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(c)(iv) - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 10 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pampasan**.

Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada tahun 2020, Pelbagai Liabiliti berjumlah RM278 juta, meningkat sebanyak RM29 juta (11.65%) berbanding RM249 juta pada tahun 2019.

Pada tahun 2020, Nota Kena Bayar berjumlah RM237 juta, meningkat sebanyak RM29 juta (13.94%) berbanding RM208 juta pada tahun 2019. Nilai perbandingan Nota Kena Bayar bagi tahun 2019 telah dinyatakan semula daripada RM799 juta kepada RM208 juta disebabkan oleh amaun perbezaan ini telah dilaporkan dalam Hutang Persekutuan di bawah Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Akauntan Negara Malaysia bertindak sebagai pemegang amanah ke atas Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Sekuriti Tak Dituntut yang dipegang oleh Akauntan Negara Malaysia adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 65 Akta Pemegang Amanah 1949, Seksyen 36 Akta Syarikat Amanah 1949 dan Seksyen 353 Akta Syarikat 2016. Akaun Depositori Pusat pula merupakan baki Akaun Depositori Pusat Kementerian Kewangan Malaysia yang diselenggara selaras dengan peruntukan Seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (SICDA). Baki Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat hanya menunjukkan penurunan kecil pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Perbandingan baki Pelbagai Liabiliti mengikut komponen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 33**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 10(d) - Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka terdiri daripada Jaminan Berkanun Kerajaan Persekutuan iaitu jaminan pinjaman Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan di bawah akta yang berkuat kuasa serta jaminan simpanan pencarum atau pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Liabiliti Luar Jangka hanya akan menjadi liabiliti Kerajaan Persekutuan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi kewangannya.

Pada tahun 2020, Liabiliti Luar Jangka Kerajaan Persekutuan termasuk jaminan yang telah menjadi komitmen Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,395.12 bilion, meningkat sebanyak RM100.38 bilion (7.75%) berbanding RM1,294.74 bilion pada tahun 2019. Jaminan simpanan pencarum atau pendeposit berjumlah RM1,100.45 bilion, meningkat sebanyak RM81.09 bilion (7.95%) berbanding RM1,019.36 bilion pada 2019. Jaminan pinjaman Badan Berkanun pula berjumlah RM78.86 bilion, meningkat sebanyak RM10.15 bilion (14.77%) berbanding RM68.71 bilion pada tahun sebelumnya. Manakala jaminan pinjaman kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan berjumlah RM215.81 bilion meningkat sebanyak RM9.14 bilion (4.42%) daripada RM206.67 bilion pada tahun 2019.

Perbandingan amaun Jaminan Berkanun bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 34**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di **Nota 11 - Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 11 : Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun.**

Jadual 15 : Pegangan Pemastautin Dan Bukan Pemastautin Sekuriti Hutang Dalam Negeri Bagi Tahun 2020

Sekuriti Hutang	Pemastautin	%	Bukan Pemastautin	%	Jumlah
	RM Juta		RM Juta		RM Juta
Bil Perbendaharaan	9,455	61.00	6,045	39.00	15,500
Terbitan Pelaburan Kerajaan	349,784	93.38	24,816	6.62	374,600
Sekuriti Kerajaan Malaysia	259,089	59.37	177,329	40.63	436,418
Sukuk Perumahan Kerajaan	24,100	100.00	-	-	24,100
Jumlah Keseluruhan	**642,428**	**75.52**	**208,190**	**24.48**	**850,618**

Carta 23

Kedudukan Hutang Persekutuan
(RM juta)



Carta 25

Nilai Setara Pinjaman Pasaran Luar Negeri
(RM juta)



Carta 24

Pinjaman Dalam Negeri
(RM juta)



Carta 26

Bantuan Luar Negeri
(RM juta)



Carta 27

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta
(RM juta)



Carta 28

Komitmen Kewangan
(RM juta)



Carta 29

Komitmen Jaminan
(RM juta)



Carta 30

Komitmen Pajakan Kewangan
(RM juta)



Carta 31

Komitmen Bayaran Balik Cukai
(RM juta)



Carta 32

Komitmen Pampasan
(RM juta)



Carta 33

Pelbagai Liabiliti
(RM juta)



Carta 34

Jaminan Berkanun
(RM bilion)



MENGHADAPI MASA DEPAN

Kerajaan akan terus fokus untuk menambah baik pengurusan kewangan serta mengimbangi antara keperluan pembangunan dan peningkatan pembiayaan berobjektifkan pemulihan dan penjanaan semula ekonomi. Penting dinyatakan bahawa kedudukan hutang statutori Kerajaan Persekutuan masih di bawah paras yang ditetapkan iaitu 60% daripada KDNK yang dibiayai sepenuhnya melalui Pinjaman Dalam Negeri. Kerajaan juga dijangka perlu terus memberi suntikan fiskal bagi menyegerakan pemulihan ekonomi negara dan juga melaksanakan strategi keluar daripada krisis COVID-19 ini. Selain itu, Belanjawan 2021 merupakan permulaan untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (RMKe-12) yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan negara dalam persekitaran kebiasaan baharu.

RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (2021 - 2025)

Mencorak Hala Tuju Pembangunan Negara dalam Persekitaran Kebiasaan Baharu

Peruntukan akan disalurkan secara lebih bersasar kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi bagi memastikan nilai faedah terbaik. Kerajaan juga akan terus menambah baik sistem kutipan hasil semasa dan juga mempelbagaikan sumber asas hasil. Kerajaan kekal komited dalam memberi penumpuan kepada kemampanan fiskal melalui pengurusan hutang yang lebih efektif antaranya melalui penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) untuk dibentangkan di Parlimen. Tujuan utama penggubalan akta ini untuk memastikan kedudukan kewangan awam yang lebih kukuh serta kemampanan fiskal jangka masa sederhana dan panjang selain menyokong kestabilan ekonomi negara. Kerajaan juga meneruskan usaha konsolidasi fiskal berpandukan *Medium-Term Fiscal Framework (MTFF)* yang secara tidak langsung membantu membawa kepada paras hutang yang lebih rendah dan terurus secara beransur-ansur selepas krisis ini berakhir. Usaha ini penting dalam mencapai kemampanan kedudukan kewangan dan keberhutangan Kerajaan Persekutuan *(debt sustainability)* dalam jangka masa panjang. Pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan Kerajaan bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang lestari antaranya dengan mempercepatkan transformasi digitalisasi di Malaysia dan juga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

LAPORAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KEDUDUKAN DAN PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Semenjak wabak Koronavirus 2019 (COVID-19) diisytihar sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 11 Mac 2020, majoriti negara di seluruh dunia terpaksa mengambil pelbagai langkah drastik demi membendung penularan pandemik ini. Malaysia tidak ketinggalan telah menguatkuasakan PKP dan sentiasa mengemas kini Prosedur Operasi Standard (SOP) meskipun memberi implikasi yang besar terhadap ekonomi.

Penutupan kebanyakan sektor ekonomi melalui pelaksanaan PKP secara penuh selama hampir tiga (3) bulan mulai 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 untuk melandaikan keluk jangkitan COVID-19 telah menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan, penurunan permintaan dan penawaran yang ketara dalam pasaran domestik mahupun di peringkat global serta aliran tunai yang terjejas melibatkan perniagaan dan isi rumah. Walau bagaimanapun, pendekatan sistematik melalui pelaksanaan PKP secara berperingkat yang disusuli dengan PKP Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei hingga 9 Jun 2020 dan PKP Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 hingga akhir tahun telah membantu Malaysia dalam usaha membendung penularan wabak dan juga mengurangkan kadar kematian.

Dalam usaha mengurangkan dampak penguncupan ekonomi, Kerajaan telah mengambil tindakan intervensi melalui pelaksanaan beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Inisiatif ini merupakan suntikan langsung fiskal yang merangkumi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Usaha tangkas melalui dasar fiskal dan disokong oleh dasar monetari yang kondusif membuktikan Kerajaan memberi keutamaan kepada kedua-dua aspek iaitu kesihatan dan ekonomi.

Inisiatif Kerajaan dalam menangani wabak ini telah memberikan impak terhadap kedudukan dan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Ketidaktentuan yang berlarutan ini telah mengakibatkan kutipan hasil yang lebih rendah namun dalam masa yang sama adalah menjadi keutamaan Kerajaan untuk membuat perbelanjaan yang lebih tinggi bagi memperkasakan sektor kesihatan dan merancakkan semula ekonomi negara. Keadaan ini telah mendorong Kerajaan untuk melaksanakan tindak balas fiskal bagi tujuan mengimbangi penurunan hasil serta memastikan fleksibiliti fiskal melalui peningkatan pinjaman dalam negeri. Kerajaan meneruskan agenda reformasi dan konsolidasi fiskal bagi menghadapi peningkatan defisit yang perlu dibuat untuk mengurangkan impak COVID-19.

PENURUNAN SIGNIFIKAN KUTIPAN HASIL

Cukai Pendapatan Syarikat

Sepanjang tempoh PKP dilaksanakan, perniagaan dalam kategori perkhidmatan perlu *(essential services)* masih boleh menjalankan operasi perniagaannya dengan mematuhi SOP atau mengadaptasi kebiasaan baharu. Namun begitu, perniagaan dalam kategori perkhidmatan bukan keperluan utama *(non-essential services)* tidak dapat beroperasi dalam tempoh yang lama serta berdepan dengan risiko terpaksa menamatkan operasi perniagaan. Natijahnya, kegiatan ekonomi menjadi perlahan dan aliran tunai perniagaan turut terjejas selaras dengan kawalan pergerakan dan tindakan pencegahan.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah cukai melalui pakej rangsangan ekonomi bagi mengurangkan dampak penguncupan ekonomi terhadap syarikat yang aliran tunainya terjejas. Pada tahun 2020, Cukai Pendapatan Syarikat telah mencatatkan penurunan signifikan sebanyak RM13,686 juta (21.47%) kepada RM50,065 juta berbanding RM63,751 juta dalam tahun 2019. Meskipun begitu, Cukai Pendapatan Syarikat masih kekal penyumbang utama kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dengan komposisi 22.24%.

Hasil Berkaitan Petroleum

Selain faktor ekonomi dunia yang perlahan dan juga permintaan terhadap petroleum yang menguncup, pandemik COVID-19 juga telah menyumbang kepada trend penurunan harga purata petroleum mentah dunia. Berdasarkan data daripada Bloomberg, harga purata petroleum mentah dunia telah menurun kepada USD42 setong berbanding USD57 setong pada tahun sebelumnya. Malaysia sebagai salah satu negara pengeluar minyak dunia turut terkesan

dengan trend penurunan harga komoditi ini dan sekali gus telah memberikan kesan penurunan sebanyak RM30,103 juta (36.12%) kepada hasil berkaitan petroleum yang dikutip pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Cukai Perkhidmatan

Ekoran daripada pelaksanaan PKP dan SOP yang telah membataskan aktiviti ekonomi dan juga sosial, perbelanjaan penggunaan oleh isi rumah melibatkan sektor perkhidmatan turut menurun dan memberikan kesan kepada hasil cukai perkhidmatan. Trend penurunan dapat dilihat pada kutipan cukai perkhidmatan melibatkan penginapan yang menurun sebanyak RM521 juta (67.40%) kepada RM252 juta berbanding RM773 juta dalam tahun 2019 dan kutipan cukai perkhidmatan melibatkan sajian makanan serta minuman yang menurun sebanyak RM410 juta (22.63%) kepada RM1,402 juta berbanding RM1,812 juta dalam tahun sebelumnya. Selain itu, inisiatif Kerajaan melalui pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel untuk membantu merancakkan kembali sektor pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 turut menyumbang kepada penurunan hasil cukai perkhidmatan.

Cukai Pendapatan Individu

Cukai pendapatan individu diunjur berkurang sebanyak 4% kepada RM35,906 juta berbanding anggaran asal sebanyak RM37,363 juta disebabkan faktor pemberhentian pekerja yang lebih tinggi serta pengurangan gaji dan tawaran cuti tanpa gaji oleh majikan untuk mengurus aliran tunai dan memastikan kelangsungan perniagaan. Sebaliknya, kutipan cukai pendapatan individu ini mencatatkan prestasi yang baik iaitu 108.49% berbanding anggaran disemak dengan peningkatan kutipan sebanyak RM273 juta (0.71%) kepada RM38,953 juta berbanding RM38,680 juta dalam tahun 2019 walau pun berdepan persekitaran ekonomi yang lebih mencabar.

PENINGKATAN SIGNIFIKAN PERBELANJAAN AWAM

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Krisis ini memerlukan Kerajaan membuat penjajaran semula perbelanjaan dan suntikan fiskal yang besar bagi memperkasakan sektor kesihatan negara untuk melindungi nyawa rakyat, memastikan kelangsungan kehidupan rakyat yang terjejas sumber pendapatan, mengurangkan kesan ekonomi terhadap syarikat khususnya dalam kategori PKS dan mikro serta memastikan perbelanjaan penggunaan isi rumah tidak terjejas yang secara tidak langsung akan merencatkan lagi ekonomi domestik.

Oleh itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pakej rangsangan ekonomi yang melibatkan suntikan fiskal langsung bernilai RM45 bilion seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1**. Ia merangkumi PRE yang bernilai RM3.2 bilion, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM21.8 bilion, Langkah Tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+) bernilai RM10 bilion dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bernilai RM10 bilion.

Carta 1

Suntikan Fiskal



Sebanyak RM39 bilion daripada jumlah suntikan fiskal telah diagihkan dalam bentuk peruntukan kepada kementerian dan agensi pelaksana yang terlibat melalui Kumpulan Wang COVID-19. Kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang amanah Kerajaan baharu yang ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan 31 program di bawah pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak RM38,019 juta telah dibelanjakan yang antaranya melibatkan RM16,157 juta untuk Bantuan Prihatin Nasional, RM12,960 juta untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan serta RM2,910 juta untuk Projek Berskala Kecil.

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 ini telah menyebabkan lonjakan ketara dalam perbelanjaan awam pada tahun 2020 yang sebahagiannya telah diimbangi dengan penurunan dalam perbelanjaan mengurus sebanyak RM38,743 juta (14.71%). Namun begitu, bagi menampung ruangan fiskal yang diperlukan berikutan penurunan ketara kutipan hasil, Kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya dengan memfokuskan kepada sumber pembiayaan dalam negara melalui pinjaman dalam negeri.

PENINGKATAN SIGNIFIKAN HUTANG AWAM

Hutang Persekutuan

Tindakan segera telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan ruang fiskal negara yang mencukupi untuk menghadapi pandemik COVID-19 dengan meningkatkan had statutori hutang daripada 55% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 60% secara sementara sehingga tahun 2022. Langkah ini telah dibuat selaras dengan pewartaan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus) 2019 (COVID-19)) 2020 bagi membiayai pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi melalui pinjaman dalam negeri.

Pada tahun 2020, terdapat peningkatan ketara bagi hutang persekutuan berjumlah RM86,562 juta (10.92%) kepada RM879,560 juta berbanding RM792,998 juta dalam tahun 2019. Peningkatan ini bertujuan membiayai pertambahan defisit susulan daripada beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan bagi melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkukuh ekonomi dalam usaha membendung pandemik ini. Sebanyak RM38,020 juta (43.92%) daripada jumlah peningkatan hutang persekutuan telah digunakan untuk membiayai Kumpulan Wang COVID-19. Di samping itu, Kerajaan juga telah menerbitkan Sukuk Prihatin yang berjumlah RM666 juta dalam usaha membiayai inisiatif mitigasi krisis COVID-19.

Rujukan

Bank Dunia (2020). *"Sowing the Seeds" Malaysia Economic Monitor (Disember 2020), World Bank, Washington, DC 2020 International Bank for Reconstruction and Development/The World Bank*

Bank Dunia (2020). *"The Fiscal Impact and Policy Response to COVID-19" Equitable Growth, Finance and Institutions Insight (2020), World Bank, Washington, DC 2020 International Bank for Reconstruction and Development/The World Bank*

Bank Dunia (2021). *"Weathering the Surge" Malaysia Economic Monitor (Jun 2021), World Bank, Washington, DC 2021 International Bank for Reconstruction and Development/The World Bank*

Bloomberg (2020). *WTI Crude Oil Price*. Dicapai pada 12 Ogos 2021 daripada www.bloomberg.com

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2021 (2020), Kementerian Kewangan Malaysia

KERAJAAN MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2020

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Persekutuan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard* (*Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti berikut:

1. Nota 10(a) Hutang Persekutuan

   Hutang Persekutuan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM879.560 bilion, iaitu 62.1% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar. Pada tahun 2020, pinjaman baharu adalah berjumlah RM194.555 bilion berbanding RM138.559 bilion pada tahun 2019, iaitu meningkat sejumlah RM55.996 bilion atau 40.4%. Daripada pinjaman baharu yang berjumlah RM194.555 bilion, sejumlah RM98.058 bilion atau 50.4% digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang. Ini menunjukkan kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang. Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman menyebabkan peruntukan mengurus untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan serta pembelian aset akan berkurangan.

2. Nota 7(a)(i) Kumpulan Wang Pembangunan

   Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 adalah defisit sebanyak RM13.255 bilion. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM62.805 bilion yang termasuk pinjaman baharu berjumlah RM48.571 bilion. Sejumlah RM8.265 bilion atau 17.0% adalah untuk membiayai Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan komitmen jaminan, manakala RM40.306 bilion atau 83.0% adalah perbelanjaan pembangunan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan adalah sejumlah RM2.650 bilion yang merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus berkaitan konsesi *Public Private Partnership* dan penyenggaraan berskala besar. Perbelanjaan yang terlibat adalah perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan berjumlah RM1.908 bilion dan kerja penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia berjumlah RM0.742 bilion. Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pihak Berkuasa Kewangan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard* (*Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*). Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Persekutuan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kewangan.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Kewangan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskaun daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium. Perkara ini selaras dengan konsep perakaunan relevan yang bermaksud maklumat yang dilaporkan hendaklah menepati masa dan juga asas perakaunan tunai ubah suai, iaitu terimaan diakaunkan apabila diperoleh.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 SEPTEMBER 2021

GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2020



PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

(a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *Intemational Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting;* dan

(b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2020.

DATO' ASRI BIN HAMIDIN @ HAMIDON
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
26 Februari 2021

DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA
Akauntan Negara Malaysia
26 Februari 2021

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	26,030,389,682	20,497,071,598
PELABURAN	4	40,063,421,604	38,733,609,974
		66,093,811,286	**59,230,681,572**
DIPEGANG BAGI : **KUMPULAN WANG DISATUKAN**			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	–	16,277,384,329
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	54,230,684,200	31,090,170,157
		66,093,811,286	**59,230,681,572**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2020 RM	2019 RM	2019 RM
TERIMAAN					
Hasil	8				
Hasil Cukai		154,397,967,932		180,565,395,770	
Hasil Bukan Cukai		56,294,368,909		79,672,012,513	
Terimaan Bukan Hasil		7,689,626,453		2,850,750,934	
Hasil Wilayah Persekutuan		676,695,480	219,058,658,774	731,425,934	263,819,585,151
Pinjaman					
Dalam Negeri		194,555,279,485		131,254,933,379	
Luar Negeri		–	194,555,279,485	7,170,135,617	138,425,068,996
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		–		–	
Pinjaman Bilateral		–	–	133,815,309	133,815,309
Terimaan Modal	8				
Terimaan Balik Pinjaman		1,180,122,917		1,550,069,125	
Jualan Aset Modal		59,430		–	
Pelbagai Terimaan		43,973,080		127,814,246	
Jualan Instrumen Kewangan		–	1,224,155,427	–	1,677,883,371
Terimaan Amanah	8				
Inisiatif Pembiayaan Swasta		10,041,781		20,406,621	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		41,009,443		4,328,344,028	
Pelbagai		3,961,561,547	4,012,612,771	–	4,348,750,649
Jumlah Terimaan			**418,850,706,457**		**408,405,103,476**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

		2020		2019	
		RM	RM	RM	RM
	Nota				
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	8				
Emolumen		82,996,331,517		80,534,388,107	
Perkhidmatan dan Bekalan		29,323,431,027		31,506,555,860	
Aset		630,596,360		770,140,555	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		109,493,399,888		110,269,277,519	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		944,687,411	223,388,446,203	1,694,705,281	224,775,067,322
Perbelanjaan Pembangunan					
Langsung		49,330,957,654		52,058,496,026	
Pinjaman		2,028,898,109	51,359,855,763	2,114,739,291	54,173,235,317
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	8				
Perbelanjaan COVID-19		37,869,238,631	37,869,238,631	–	–
Pinjaman					
Dalam Negeri		97,727,562,247		82,722,693,311	
Luar Negeri		–	97,727,562,247	–	82,722,693,311
Bantuan Luar Negeri					
Pinjaman Multilateral		69,125,729		68,764,375	
Pinjaman Bilateral		261,407,645	330,533,374	258,134,157	326,898,532
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan		1,768,811,630	1,768,811,630	9,471,152,793	9,471,152,793
Perbelanjaan Amanah					
Inisiatif Pembiayaan Swasta		274,373,237		53,510,077	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		598,567,288		5,469,865,863	
Pelbagai		–	872,940,525	34,563,208,527	40,086,584,467
Jumlah Bayaran			**413,317,388,373**		**411,555,631,742**
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			5,533,318,084		(3,150,528,266)
Wang Tunai Pada 1 Januari			20,497,071,598		23,647,599,864
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			**26,030,389,682**		**20,497,071,598**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 Anggaran RM	2020 Sebenar RM	2019 Sebenar RM
Hasil	5	227,270,015,000	225,074,947,242	264,414,755,876
Tolak :				
Belanja Mengurus	5	226,720,000,000	224,600,242,049	263,342,924,643
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		550,015,000	474,705,193	1,071,831,233
Tolak :				
Belanja Pembangunan	7	52,689,471,785	51,359,855,763	54,173,235,317
Belanja Kumpulan Wang COVID-19	7	39,007,290,555	38,019,238,631	–
KURANGAN KESELURUHAN		**(91,146,747,340)**	**(88,904,389,201)**	**(53,101,404,084)**
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		96,497,183,864	55,509,292,462
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		1,259,155,427	1,730,728,126
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(8,851,950,090)	(4,138,616,504)
JUMLAH PEMBIAYAAN			**88,904,389,201**	**53,101,404,084**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
MEMORANDUM ASET	9		
Akaun Belum Terima		106,422,742,308	94,114,786,243
Pelaburan		33,191,463,711	32,038,227,719
Jumlah Aset		**139,614,206,019**	**126,153,013,962**
MEMORANDUM LIABILITI	10		
Hutang Persekutuan		879,559,708,810	792,997,555,813
Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta		37,034,467,015	38,829,548,225
Komitmen Kewangan		269,940,211,375	247,461,392,666
Pelbagai Liabiliti		278,000,205	249,253,470
Jumlah Liabiliti		**1,186,812,387,405**	**1,079,537,750,174**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KERAJAAN MALAYSIA

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2020

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk Perbelanjaan Tanggungan tertentu.

iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagikan kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:

i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;

ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai terimaan tahun kewangan semasa; dan

iii) Mengakaunkan urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, untung rugi pelaburan, hapuskira pinjaman daripada akaun amanah dan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.

d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini ialah Ringgit Malaysia. Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.

g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.

h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

a) Penyata Kedudukan Kewangan;

b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai;

c) Penyata Prestasi Kewangan;

d) Penyata Akaun Memorandum; dan

e) Nota Kepada Penyata Kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS.*

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenal pasti yang belum diakaunkan dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 *RM*	*2019* *RM*
WANG TUNAI	**26,030,389,682**	**20,497,071,598**
Wang Tunai Dalam Bank	23,386,390,316	19,723,454,334
Wang Tunai Dalam Perjalanan	2,641,122,146	770,744,244
Wang Tunai Dalam Tangan	2,877,220	2,873,020

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku iaitu termasuk amaun pelunasan, sekiranya ada.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan yang melibatkan Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri dan Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri adalah pegangan instrumen hutang yang dikeluarkan oleh entiti terbabit. Manakala pelaburan dalam bentuk Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri adalah merupakan pegangan ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 *Nilai Buku*		*2019* *Nilai Buku*	
	RM	*RM*	*RM*	*RM*
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	**Pelaburan Am**	**Pelaburan Kumpulan Wang Amanah**	**Pelaburan Am**
PELABURAN	**40,063,421,604**		**38,733,609,974**	
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	5,229,692,142	-	4,157,767,085	-
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,862,758,809	-	1,974,496,965	-
Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	2,473,318,064	-	3,294,914,325	-
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,465,343,186	-	3,828,888,018	-
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	-	-	122,098,193	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	2,044,859,410	-	2,221,174,251	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,717,761,577	440,108,058	6,717,761,577
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	6,731,137,800	55,000,000	10,163,808,944	5,811,650,000
Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan	10,042,500,000	-	-	-
Pelbagai	-	942,558	-	942,558
Jumlah	33,289,717,469	6,773,704,135	26,203,255,839	12,530,354,135

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa yang berjumlah RM474,705,193 dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal sebanyak RM11,863,127,086 semenjak tahun 1996.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020			*2019*	
	Anggaran Disemak	*Sebenar*		*Sebenar*	
	RM	*RM*	*% Anggaran*	*RM*	*% Anggaran*
BAKI PADA 1 JANUARI		11,863,127,086		11,863,127,086	
HASIL	227,270,015,000	225,074,947,242	99.03	264,414,755,876	100.42
Hasil Cukai	153,260,000,000	154,397,967,932	100.74	180,566,080,796	100.31
Hasil Bukan Cukai	66,255,056,000	62,046,603,183	93.65	79,825,093,134	99.51
Terimaan Bukan Hasil	7,045,185,000	7,953,680,647	112.90	3,292,082,792	158.69
Hasil Wilayah Persekutuan	709,774,000	676,695,480	95.34	731,499,154	73.24
PERBELANJAAN MENGURUS	226,720,000,000	224,600,242,049	99.07	263,342,924,643	101.07
Emolumen	83,248,184,804	82,996,331,517	99.70	80,534,388,107	99.90
Perkhidmatan dan Bekalan	30,107,249,947	29,323,431,027	97.40	31,506,555,860	105.17
Aset	753,594,010	630,596,360	83.68	770,140,555	99.74
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	111,498,216,259	**110,688,349,888	99.27	**148,776,857,724	100.91
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,112,754,980	961,533,257	86.41	1,754,982,397	99.67
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan		474,705,193		1,071,831,233	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	226,720,000,000	225,074,947,242	99.27	264,414,755,876	101.48
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		-		-	
BAKI PADA 31 DISEMBER		**11,863,127,086**		**11,863,127,086**	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang.

Perbezaan di antara Anggaran Asal, Anggaran Disemak dan Hasil Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia.

Hasil mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020				*2019*	
	Anggaran Asal	*Anggaran Disemak*	*Sebenar*		*Sebenar*	
	RM	*RM*	*RM*	*% Anggaran*	*RM*	*% Anggaran*
HASIL	**244,530,029,000**	**227,270,015,000**	**225,074,947,242**	**99.03**	**264,414,755,876**	**100.42**
HASIL CUKAI	189,951,000,000	153,260,000,000	154,397,967,932	100.74	180,566,080,796	100.31
Cukai Langsung	142,676,000,000	115,105,000,000	112,511,151,064	97.75	134,722,801,658	99.32
Cukai Pendapatan	134,005,000,000	106,914,029,000	104,884,438,671	98.10	126,506,759,084	99.19
Cukai Langsung yang Lain	8,671,000,000	8,190,971,000	7,626,712,393	93.11	8,216,042,574	101.42
Cukai Tak Langsung	47,275,000,000	38,155,000,000	41,886,816,868	109.78	45,843,279,138	103.32
Duti Kastam - Eksport	1,300,000,000	802,000,000	746,141,231	93.04	1,125,974,992	87.97
Duti Kastam - Import	2,800,000,000	2,035,050,000	2,346,001,585	115.28	2,732,648,169	102.35
Duti Eksais	5,300,000,000	3,900,000,000	4,719,320,979	121.01	5,130,903,240	101.70
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	7,000,000,000	4,900,000,000	6,493,793,033	132.53	6,445,254,794	97.95
Cukai Jualan atas Barangan Import	9,300,000,000	7,195,000,000	8,272,887,002	114.98	8,940,233,842	100.57
Cukai Perkhidmatan	12,000,000,000	12,438,000,000	12,006,145,761	96.53	12,283,191,823	108.41
Levi	105,000,000	328,000,000	389,338,968	118.70	168,833,351	168.83

(disambung)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(sambungan)

	2020				2019	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	5,700,000,000	4,606,949,000	5,136,410,396	111.49	5,379,866,925	98.89
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	3,540,000,000	1,850,000,000	1,708,826,590	92.37	3,420,237,632	121.03
Cukai Barangan dan Perkhidmatan Import	-	-	-	-	-	-
Cukai Barangan dan Perkhidmatan Tempatan	-	-	-	-	-	-
Cukai Pelancongan	230,000,000	100,001,000	67,951,323	67.95	216,134,370	102.92
HASIL BUKAN CUKAI	51,185,976,000	66,255,056,000	62,046,603,183	93.65	79,825,093,134	99.51
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	15,176,551,000	13,237,332,000	10,931,339,962	82.58	14,499,140,279	95.37
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,174,678,000	1,371,481,000	1,565,731,699	114.16	1,648,081,196	89.20
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	1,387,540,000	89,786,000	60,805,300	67.72	83,016,850	50.10
Sewaan	273,610,000	98,267,000	180,319,974	183.50	189,870,635	105.37
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	28,579,592,000	48,666,295,000	46,067,499,372	94.66	60,057,797,554	100.94
Denda dan Hukuman	1,678,764,000	1,010,023,000	1,421,579,016	140.75	1,650,539,751	106.68
Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	20,718,000	132,026,000	177,791,986	134.66	6,041,652	32.73
Aktiviti Carigali Minyak dan Gas MTJA	1,894,523,000	1,649,846,000	1,641,535,874	99.50	1,690,605,217	96.43
TERIMAAN BUKAN HASIL	2,217,780,000	7,045,185,000	7,953,680,647	112.90	3,292,082,792	158.69
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,094,293,000	1,953,405,000	2,634,409,057	134.86	2,064,339,214	105.38
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	123,474,000	5,091,764,000	5,319,231,740	104.47	1,227,730,881	1,062.98
Terimaan Lain	13,000	16,000	39,850	249.06	12,697	105.81
HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN	1,175,273,000	709,774,000	676,695,480	95.34	731,499,154	73.24
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	1,072,131,000	662,692,000	617,784,952	93.22	666,606,365	73.16
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	103,142,000	47,082,000	58,910,528	125.12	64,892,789	74.03

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Penjenisan Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan Bekalan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM224,600,242,049 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM534,076,151 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.

Perbezaan di antara Anggaran Asal, Anggaran Dipinda dan Perbelanjaan Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk di Lampiran 1 : Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020			
	Anggaran Asal RM	*Anggaran Dipinda RM*	*Sebenar RM*	*% Anggaran*
PERBELANJAAN MENGURUS	**241,020,000,000**	**226,720,000,000**	**225,074,947,242**	**99.27**
PERBELANJAAN TANGGUNGAN	67,883,785,400	67,895,765,800	67,240,691,628	99.04
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000	13,533,000	13,532,935	99.99
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,337,100	1,337,100	1,246,090	93.19
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	129,246,100	129,246,100	98,035,794	75.85
T. 04 Ketua Audit Negara	741,800	741,800	558,437	75.28
T. 05 Yang Di-Pertua Dewan Rakyat	1,676,600	1,676,600	1,279,732	76.33
T. 06 Yang Di-Pertua Dewan Negara	1,796,600	1,796,600	1,106,450	61.59
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	2,482,800	2,513,200	2,513,174	99.99
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,000	11,000	7,800	70.91
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	7,785,000	7,785,000	5,360,163	68.85
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	4,632,100	4,632,100	4,263,401	92.04
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	2,246,100	2,246,100	1,770,548	78.83
T. 12 Perbendaharaan	6,273,436,800	6,285,386,800	6,224,062,592	99.02
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	34,944,860,400	34,944,860,400	34,494,802,361	98.71
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	26,500,000,000	26,500,000,000	26,392,152,149	99.59
PERBELANJAAN BEKALAN	173,136,214,600	158,824,234,200	157,834,255,615	99.38
B. 01 Parlimen	145,190,900	131,862,480	126,832,937	96.19
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,500,000	2,500,000	1,812,921	72.52
B. 03 Jabatan Audit Negara	156,233,800	143,629,812	138,751,376	96.60
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	71,302,900	71,302,900	166,152,358	233.02
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	39,575,800	37,421,358	34,379,786	91.87
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	4,048,073,200	3,799,814,300	3,729,842,081	98.16
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	1,623,931,100	1,623,931,100	1,623,920,321	99.99
B. 08 Jabatan Peguam Negara	176,935,000	168,435,000	165,510,334	98.26
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	299,053,300	267,978,120	265,848,905	99.21
B. 10 Perbendaharaan	5,320,637,000	4,182,595,000	3,937,798,293	94.15
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	21,027,387,800	16,298,257,310	**16,049,258,468	98.47
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,782,200,300	1,766,200,300	***2,122,455,193	120.17
B. 13 Kementerian Luar Negeri	724,338,100	682,697,000	645,958,717	94.62
B. 14 Kementerian Perpaduan Negara	-	231,886,000	222,000,051	95.74
B. 15 Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	513,313,900	177,257,200	177,098,656	99.91
B. 20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	259,528,700	253,928,700	250,388,500	98.61
B. 21 Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	3,533,985,900	3,152,485,900	3,101,618,071	98.39
B. 22 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	3,191,709,400	3,047,168,000	2,944,509,143	96.63
B. 23 Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	1,276,283,000	1,131,207,900	1,121,976,339	99.18
B. 24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	877,835,800	731,211,500	629,935,782	86.15
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	1,019,962,600	1,019,962,600	1,104,355,730	108.27
B. 26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	214,310,900	214,310,900	211,204,646	98.55
B. 27 Kementerian Kerja Raya	1,792,114,200	1,210,296,100	1,176,335,346	97.19
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,758,308,000	1,600,851,800	1,594,979,876	99.63
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	746,493,000	492,916,300	481,170,538	97.62
B. 31 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	921,990,700	872,290,700	822,740,732	94.32
B. 32 Kementerian Wilayah Persekutuan	364,978,000	289,348,800	284,991,376	98.49
B. 33 Kementerian Alam Sekitar dan Air	-	305,993,400	298,384,570	97.51
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	17,437,800	15,776,800	15,216,580	96.45
B. 42 Kementerian Kesihatan	27,941,530,900	27,010,164,300	27,010,111,676	99.99
B. 43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,785,425,100	2,855,791,100	2,855,788,465	99.99
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	670,903,300	560,190,300	543,307,195	96.99
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	834,730,900	751,163,600	742,375,271	98.83
B. 47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,137,926,400	1,046,279,920	1,019,418,070	97.43
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,259,671,400	2,256,830,200	2,231,447,024	98.88
B. 60 Kementerian Pertahanan	12,496,237,400	11,032,387,400	11,032,382,925	99.99
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	13,839,366,600	13,273,773,300	12,947,203,724	97.54
B. 63 Kementerian Pendidikan	59,264,811,500	50,991,325,100	50,912,071,262	99.84
B. 64 Kementerian Pengajian Tinggi	-	5,122,811,700	5,094,722,379	99.45

Nota: (**) - Termasuk penyaluran geran berjumlah RM534,076,151 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.
: (***) - Termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM474,705,193.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Instrumen Pinjaman Luar Negeri adalah terdiri daripada Sukuk dan Bon manakala Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Semua terimaan Akaun Pinjaman Disatukan direkodkan pada nilai kos berdasarkan terimaan dana pinjaman.

Baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2020 dengan masing-masing berjumlah RM61,071,047,806 dan RM38,020,000,000.

Mulai tahun 2020, Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan telah dibuka semula bagi mengakaunkan terimaan dana pinjaman. Pelarasan premium/diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM13,683,520,387 telah diselaraskan kepada akaun tersebut. Pelarasan ini termasuk baki premium/diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia pada tahun 2019 berjumlah RM3,777,384,329 dan tahun 2020 berjumlah RM9,906,136,058.

Bayaran faedah pinjaman dan kos lain untuk mendapatkan pinjaman dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM34,494,802,361 seperti di Nota 5(b) dan sebanyak RM71,096,169 dikenakan kepada Akaun Pinjaman Disatukan seperti yang diperuntukkan di bawah akta-akta berkaitan.

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM96,497,183,864 di Penyata Prestasi Kewangan ialah terimaan bersih tahun semasa tidak mengambil kira baki awal berjumlah RM16,277,384,329.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
PINJAMAN	**113,105,101,567**	**70,926,498,834**
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	16,277,384,329	15,224,123,149
Terimaan	194,555,279,485	131,254,933,379
Bayaran	(97,727,562,247)	(82,722,693,311)
Baki pada 31 Disember	113,105,101,567	63,756,363,217
Luar Negeri		
Terimaan	-	7,170,135,617
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	7,170,135,617
BANTUAN LUAR NEGERI	**(330,533,374)**	**(193,083,223)**
Pinjaman Multilateral		
Terimaan	-	-
Bayaran	(69,125,729)	(68,764,375)
Baki pada 31 Disember	(69,125,729)	(68,764,375)
Pinjaman Bilateral		
Terimaan	-	133,815,309
Bayaran	(261,407,645)	(258,134,157)
Baki pada 31 Disember	(261,407,645)	(124,318,848)
Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	**112,774,568,193**	**70,733,415,611**
Pelarasan		
Pelarasan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(13,683,520,387)	-
Pindahan Ke		
Kumpulan Wang Pembangunan	(61,071,047,806)	(54,456,031,282)
Kumpulan Wang COVID-19	(38,020,000,000)	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	**-**	**16,277,384,329**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Sebahagian besar urus niaga Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan yang melibatkan transaksi pelarasan debit berjumlah RM994,464,749,031 dan kredit RM1,000,631,625,470.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	Baki pada 01.01.2020 (Debit)/Kredit RM	*Debit* RM	*Kredit* RM	*Baki pada 31.12.2020 (Debit)/Kredit* RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	10,428,410,338	1,159,016,234,058	1,171,310,572,354	22,722,748,634
Kumpulan Wang Pembangunan	(24,700,420,089)	70,502,967,677	81,948,020,340	(13,255,367,426)
Kumpulan Wang COVID-19	-	38,112,283,411	38,113,044,780	761,369
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	35,128,830,427	1,050,400,982,970	1,051,249,507,234	35,977,354,691
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	9,494,211,528	12,463,221,123	23,041,185,348	20,072,175,753
Kumpulan Wang Amanah Khas	3,309,508,604	568,774,007	671,926,434	3,412,661,031
Kumpulan Wang Amanah Am	6,184,702,924	11,894,447,116	22,369,258,914	16,659,514,722
AKAUN DEPOSIT	11,167,548,291	6,407,132,815	6,675,344,337	11,435,759,813
Deposit Am	10,926,434,174	2,701,848,902	3,078,758,843	11,303,344,115
Deposit Pelarasan	241,114,117	3,705,283,913	3,596,585,494	132,415,698
AKAUN AMANAH DISATUKAN	**31,090,170,157**	**1,177,886,587,996**	**1,201,027,102,039**	**54,230,684,200**

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini, jualan aset modal dan pelbagai terimaan.

Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM51,359,855,763 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM5,128,490,661 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan lain-lain kos bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan kerajaan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk di Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
BAKI PADA 1 JANUARI	(24,700,420,089)	(27,785,775,413)
TERIMAAN	62,804,908,426	57,258,590,641
Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan	474,705,193	1,071,831,233
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	61,071,047,806	54,456,031,282
Terimaan Balik Pinjaman	1,180,122,917	1,602,913,880
Jualan Aset Modal	59,430	-
Pelbagai Terimaan	78,973,080	127,814,246
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan	51,359,855,763	54,173,235,317
Langsung	49,330,957,654	52,058,496,026
Pinjaman	2,028,898,109	2,114,739,291
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	11,445,052,663	3,085,355,324
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(13,255,367,426)**	**(24,700,420,089)**

(ii) Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 adalah merupakan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang diwartakan penubuhannya pada 26 Oktober 2020.

Kumpulan Wang COVID-19 mengakaunkan terimaan dan bayaran seperti yang diperuntukkan oleh Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Terimaan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM38,020,000,000.

Perbelanjaan berjumlah RM38,019,238,631 adalah untuk maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Maklumat terperinci Kumpulan Wang COVID-19 boleh dirujuk di Lampiran 3 : Penyata Perbelanjaan COVID-19 bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
BAKI PADA 1 JANUARI	-	-
TERIMAAN		
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	38,020,000,000	-
BAYARAN		
Perbelanjaan COVID-19	38,019,238,631	-
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	761,369	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	**761,369**	**-**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Yang Lain yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
AKAUN PENYELESAIAN	11,116,223,509	4,949,347,070
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	1,000,000	1,000,000
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	11,115,223,509	4,948,347,070
AKAUN PERNIAGAAN		
Stor dan Woksyop Belum Diperuntukkan	156,964,318	156,921,369
AKAUN PINJAMAN	2,985,563,130	2,868,948,087
Kontraktor	3,388,514	9,208,072
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam - Pinjaman Persekutuan	43,058,280	21,450,107
Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi	500,248,513	420,483,753
Pembangunan Ekonomi Belia	14,019,400	13,478,632
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	48,965,468	39,492,419
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	39,625,187	11,241,115
Pendahuluan Pelbagai	50,108,420	58,253,041
Pendahuluan Untuk Negeri	874,893,583	925,893,583
Pinjaman Diraja	763,436	743,748
Pinjaman Kenderaan	63,491,343	63,347,198
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	1,022,193,268	1,055,058,708
Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah	14,182,456	10,835,139
Rakyat Malaysia di Luar Negeri	1,317,092	1,282,931
Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	309,308,170	238,179,641
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,499,999,980	721,390,750
PELBAGAI KUMPULAN WANG	20,218,603,754	26,432,223,151
Amanah Negara	18,294,241,419	17,605,293,030
Amanah Pelajar Miskin	93,733,363	73,944,448
Amanah Sukan Negara	38,650,869	26,442,867
Bantuan Bencana Negara	212,008,291	235,859,572
Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	996,200	685,400
Cadangan Untuk Negeri	347,094,275	224,759,099
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	472,854	472,854
Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata	1,692,250	-
Kebajikan dan Kemudahan bagi Penuntut di Luar Negeri	2,080,495	1,866,374
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	341,547	410,811
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	103,241,716	88,707,892
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara	2,718,623	2,425,679
Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan - Urusniaga	506,131,754	423,415,576
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	6,175,844	23,998,163
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras	40,837,387	39,596,751
Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	84,244,568	6,005,750,948
Kumpulan Wang Amanah Projek dan Pengukuran Sempadan Bersama Di antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	5,356,430	2,722,986
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	968,725	795,957
Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia	739,033	1,626,350
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	14,836,106	14,535,848
Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional	7,729,170	7,586,776
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	18,902,576	21,633,153
Kumpulan Wang Amanah Kursi Eropah Bagi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	794	794
Kumpulan Wang Amanah Majlis Sains Dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK)	2,818,236	3,599,304
Penjelas Hutang	3,381,166	3,381,166
Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	33,335,877	33,197,929
Perpustakaan Negara	1,227,574	1,208,117
Program Perumahan Rakyat Dimiliki	121,943,656	140,594,969
Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	561,971	884,216
Tabung Bayaran Balik Cukai	167,287,155	1,355,479,579
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	85,022,970	71,498,080
Tabung Inovasi Negara (KWATIN)	19,813,117	19,813,116
Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	17,743	35,347
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	**35,977,354,691**	**35,128,830,427**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah akta yang tersendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta adalah Kumpulan Wang Amanah Awam yang bertujuan untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan tertentu.

Akaun Amanah yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
AMANAH KHAS	3,412,661,031	3,309,508,604
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	2,090,275,745	2,074,770,371
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	312,579,832	295,777,881
Akaun Amanah Tabung Bantuan Insolvensi	294,326,347	244,192,413
Kumpulan Wang Dius Api	286,471,639	302,353,303
Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	275,829,411	252,376,478
Pelbagai Amanah Khas	153,178,057	140,038,158
AMANAH AM	16,659,514,722	6,184,702,924
Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset	11,477,342,168	695,806,281
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	1,430,138,317	1,987,696,162
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	783,882,201	680,775,000
Akaun Amanah Pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak	557,179,250	-
Akaun Amanah Sumber Khas	441,926,078	421,245,984
Pelbagai Amanah Am	1,969,046,708	2,399,179,497
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	**20,072,175,753**	**9,494,211,528**

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 (Debit)/Kredit RM	*2019 (Debit)/Kredit RM*
DEPOSIT AM	11,303,344,115	10,926,434,174
Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	7,091,482,309	6,401,897,831
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	1,747,122,403	1,717,587,773
Deposit Mahkamah Tinggi	1,229,493,682	1,322,316,390
Deposit Imigresen	296,343,487	287,290,707
Deposit Wang Tak Dituntut	247,700,956	470,566,889
Pelbagai Deposit Am	691,201,278	726,774,584
DEPOSIT PELARASAN	132,415,698	241,114,117
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	63,294,909	64,820,861
Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	34,238,566	127,763,726
Deposit Pembatalan Pencen Skim B	15,339,138	24,628,504
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal - JPA Pencen	9,335,673	14,414,449
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal - JHEV	4,375,175	1,104,399
Pelbagai Deposit Pelarasan	5,832,237	8,382,178
AKAUN DEPOSIT	**11,435,759,813**	**11,167,548,291**

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

8. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

TERIMAAN

(a) Hasil

Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai berbeza sebanyak RM5,752,234,274 dengan Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan pelarasan pelbagai Akaun Deposit dan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.

Perbezaan Terimaan Bukan Hasil yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM264,054,194 dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan oleh penutupan Akaun Amanah Akademi Penerbangan Malaysia (MAVA) dan Akaun Amanah Pampasan Lot 44 dan PT28, Seksyen 51, Kuala Lumpur serta pelarasan pelbagai Akaun Deposit.

(b) Terimaan Modal

Perbezaan Pelbagai Terimaan di bawah kategori Terimaan Modal yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Kumpulan Wang Pembangunan di Nota 7(a)(i) sebanyak RM35,000,000 adalah disebabkan oleh pelarasan Akaun Deposit Pinjaman Boleh Dituntut.

(c) Terimaan Amanah

